


# Buletin UniSZA

ISSN 2180-0235 | OGOS 2015 | BIL 16



Universiti Komuniti  
**PERTAMA**



## Pengurusan Tertinggi

Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim  
Naib Canselor

Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Pembangunan)

Prof. Dr. Nik Wan Omar  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Madya Nordin Jusoh  
Pendaftar

Prof. Madya Ariza Ibrahim  
Bendahari

Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd. Ghadas  
Penasihat Undang-undang

## Sidang Pengarang

Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh  
Penerbit UniSZA

Dr. Bahyah Abdul Halim  
Penerbit UniSZA

Dr. Muhamad Fazil Ahmad  
Fakulti Sains Sosial Gunaan

Dr. Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

En. Cornelius Anuar Abdullah McAfee  
Pusat Penataran Ilmu

En. Mohd Shahrizal Nasir  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Zarizal Suhaili  
Fakulti Biosumber dan Industri Makanan

Pn. Sharifah Mursalina Syed Azmy  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Mohamad Shahrir Abdul Hamid  
Penerbit UniSZA

Pn. Zurina Mansor  
Penerbit UniSZA

En. Kaswadi Yusoff  
Jurufoto  
Unit Komunikasi Korporat dan Antarabangsa

Cik Nurul Aizam Ab Rahim  
Setiausaha  
Penerbit UniSZA

## Sumber dan Penyumbang Bahan

1. Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
2. Fakulti Bahasa dan Komunikasi
3. Fakulti Biosumber dan Industri Makanan
4. Fakulti Informatik dan Komputeran
5. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
6. Institut Pembangunan Komuniti dan Kualiti Hidup
7. Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam
8. Jabatan Keselamatan
9. Kolej Kediaman UniSZA
10. Pejabat Pendaftar
11. Perpustakaan UniSZA
12. Penerbit UniSZA
13. Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan
14. Pusat Pengajian Siswazah
15. Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
16. Pusat Sukan dan Rekreasi
17. Unit Komunikasi Korporat dan Antarabangsa
18. Prof. Dr. Ahmad Shukri Yazid, Pengarah Pusat Pendididkan Lanjutan
19. Prof. Dr. Noorhayati Mansor, Pensyarah FLAIR
20. Dr. Zunaidah Sulong, Pensyarah FESP
21. En. Ahmad Fauzan Abdul Kadir, Setiausaha Akhbar kepada YAB Menteri Besar Terengganu
22. En. Salman Lambak, Pensyarah FESP

Hak Cipta Terpelihara © 2015. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2015

Pengarah, Penerbit UniSZA,  
Universiti Sultan Zainal Abidin,  
Kampus Gong Badak,  
21300 Kuala Terengganu,  
Terengganu, MALAYSIA.

Tel: 09-668 8774/8775 Faks: 09-668 7867

Laman Web: <http://www.penerbit.unisia.edu.my>



## Kandungan

Utama	4
Malim Sarjana	7
Seminar/Bengkel/Kursus/Mesyuarat	9
Tokoh	18
Rencana	21
Pencapaian	28
UniSZA Bersama Komuniti Setempat	34
UniSZA dan Hubungan Antarabangsa	40
Sukan dan Ko-Kurikulum	42



## UniSZA Universiti Komuniti



Pada 7 hingga 9 Mei 2015, Pusat Perhubungan Alumni, Industri dan Komuniti dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menganjurkan Karnival Sempena Pelancaran UniSZA Universiti Komuniti yang julung-julung kalinya diadakan di *driving range* Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) kampus Gong Badak.

Karnival ini bertujuan mempromosi kepakaran UniSZA kepada masyarakat

setempat serta merapatkan ukhuwah antara staf UniSZA dengan masyarakat Kuala Nerus. Selain itu, karnival ini bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa terutama dalam bidang keusahawanan menerusi aktiviti-aktiviti yang berlangsung sepanjang karnival.

Majlis Pelancaran UniSZA Universiti Komuniti telah dirasmikan oleh Menteri Besar Terengganu, Y.A.B. Dato' Seri Haji Ahmad Razif Abd Rahman manakala majlis penutup pula disempurnakan



oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim.

Acara kemuncak pada majlis perasmian karnival ini telah menyaksikan satu pengiktirafan baharu kepada UniSZA apabila nama universiti ini tercatat dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) bagi Projek Sejuta Kalimah Allah.

Projek ini telah diusahakan oleh seramai 58 pelajar Kursus Sukarelawan Kontemporari, Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) UniSZA melalui lukisan cat air menggunakan air zam zam terpanjang yang menjadi latar bagi tulisan kalimah suci tersebut. Pengiktirafan ini disampaikan oleh wakil MBOR, Mohd Azwarin Ahmad kepada Naib Canselor UniSZA sambil disaksikan oleh Menteri Besar Terengganu.

Karnival yang berlangsung selama tiga hari itu diserikan dengan pelbagai aktiviti kemasyarakatan seperti sukan rakyat, bengkel, temuduga terbuka, klinik memanah, *explorace*, pertandingan wau, forum perdana, pemeriksaan kesihatan, dan senamrobik perdana. Sambutan daripada masyarakat setempat amat menggalakkan iaitu hampir seramai 7,000 orang hadir sepanjang karnival berlangsung.

Persembahan pancaragam sekolah, persembahan-persembahan jalanan (*busking*), malam kebudayaan Kesenian Islam dan jualan pesta buku yang terbesar di Pantai Timur iaitu *The Big Bad Wolf Books Sale* turut menjadi daya tarikan utama karnival ini yang diadakan khusus kepada pengunjung yang datang dari jauh dan dekat.





## Projek Tulisan Sejuta Kalimah Allah Catat Nama UniSZA dalam MBOR

UniSZA berjaya mencipta rekod dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) menerusi Projek Tulisan Sejuta Kalimah Allah yang menggunakan lukisan cat air terpanjang pernah dilakukan di negara ini.

Projek tersebut yang dilaksanakan bermula 18 April 2015 melibatkan seramai 58 orang pelajar Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) dan dilakukan secara bergilir bermula 8.30 pagi sehingga 11 malam.

Hasil karya lukisan cat air yang memakan masa selama 16 hari itu dihiasi dengan corak berkoncepsyen identiti Islamik namun tidak menjurus kepada seni khat.

Dato' Seri Haji Ahmad Razif turut menyempurnakan satu penulisan kalimah Allah yang ke-sejuta sebagai simbolik bagi mengakhiri penulisan tersebut semasa majlis perasmian.

Keunikan lukisan cat air ini ialah penggunaan campuran cat dan air zam-zam sepenuhnya bagi menghasilkan tulisan sepanjang 8.528 kilometer iaitu bersamaan 19 kali ketinggian Menara Berkembar Petronas (KLCC) serta penglibatan lima orang bukan Islam secara sukarela dalam menjayakan projek berkenaan.





# Menteri Besar Terengganu Iktiraf UniSZA sebagai Universiti Komuniti Contoh

Universiti Komuniti yang diperkenalkan oleh UniSZA baru-baru ini memberi impak yang luar biasa bukan sahaja kepada para pelajar dan pengajar malah penduduk di sekitarnya juga mendapat manfaat daripada inisiatif tersebut.

Bermulanya dengan gelaran universiti komuniti, ini bermakna UniSZA akan terus sama berganding bahu dengan penduduk di sekitarnya bagi memastikan mereka akan mendapat kebaikan daripada kewujudan Universiti Awam (UA) tersebut.

Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Haji Ahmad Razif Abd Rahman sewaktu merasmikan majlis tersebut di UniSZA berkata, universiti komuniti yang diilhamkan oleh UniSZA bukan sahaja membuktikan bahawa ia bukan sekadar UA biasa tetapi ia turut menjalankan tanggungjawabnya kepada komuniti sebagai projek tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Beliau turut mencadangkan kepada universiti-universiti tempatan lain di Terengganu untuk sama menjadi universiti komuniti dan berbakti kepada alam sekitar.

“Saya juga ingin mencadangkan kepada universiti-universiti (yang ada di Terengganu) untuk turut berbakti kepada alam sekitar dan masyarakat.



“Sebagai contoh, mungkin mereka boleh menjadikan setiap pantai yang ada di Terengganu sebagai pantai angkat dan menjaganya daripada dicemari sekaligus mencantikkannya dengan inisiatif-inisiatif yang kreatif.

“Idea untuk menjadikan pantai di Terengganu satu tarikan kepada orang ramai juga amat dialu-alukan kerana di bawah pentadbiran Transformasi Terengganu Baharu, kita muah menjadikan pantai sebagai satu tempat perkelahan baharu kepada keluarga

untuk berkumpul dan melakukan aktiviti bersama-sama di bawah konsep keluarga bahagia, masyarakat sejahtera,” katanya.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tiga hari sempena majlis pelancaran universiti komuniti tersebut turut memberi peluang kepada pemegang taruh UniSZA menyertai acara yang dijalankan.

Sementara itu, Setiausaha Akhbar kepada YAB Menteri Besar Terengganu yang juga graduan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris dengan Komunikasi UniSZA, Fauzan Abdul Kadir turut memuji tindakan UniSZA yang mengorak langkah untuk menjadi sebuah universiti komuniti.

“Daripada masyarakat kepada UniSZA dan kini tiba masa UniSZA berbakti kepada masyarakat. Saya yakin UniSZA akan terus mencipta nama di persada dunia bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dalam memberi jasa yang berterusan kepada komuniti setempat,” katanya ketika diminta mengulas mengenai program berkenaan.





# Risk Management: Development & Challenges

Reviewed by: Salman Lambak, Lecturer, Faculty of Economics and Management Science




Prof. Dr. Ahmad Shukri Yazid delivered an insightful Professorial Talk on Risk Management during the UniSZA University Community function held at Dewan Kuliah Utama, UniSZA on 7th May 2015. The Professorial Talk was organized by the Faculty of Economics and Management Science and attended by academicians and students.


All organisations face vibrant changes that can alter the manner business is steered. We are seeing rapid increases in the speed, impact and contagion of current risk events, especially in the convergence of economic and political turmoil, effects from natural disasters, advancing globalisation and rapid technological advances which require a well-structured risk management.

A good risk management programme can simply be defined as activities that are undertaken to mitigate exposure and threat to loss as well as activities designed to take advantage of opportunities. As competition is escalating and global effects are far less predictable, it is vital that risk management take a centric role in improving an organisation's ability to manage its risks and unlock business opportunities more effectively.

In ideal conditions, risk management should spearhead business development, working alongside with the business functions in formulating business strategies, identifying business opportunities and their inherent risks, and establishing risk appetite, amongst others. While every business decision starts with a clear and definitive strategic view of the business, the concern of risk during the strategic planning process can generate the ability to seize risk opportunities. The ability to seize the opportunities consistently and effectively does not come about by coincidence. Effective risk management, to identify and ultimately execute such opportunities, is complex and involves many deliberations, such as organisational size and structure, alignment of stakeholder interests, integration with strategy processes, picking the right people for the right tasks, and effective monitoring and response mechanisms.

Enterprise Risk Management (ERM) represents a holistic approach towards managing these risks. According to The Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission (COSO) 2014, ERM is defined as a process, effected by an entity's board of directors, management and other personnel, applied in strategic setting and across the enterprise, designed to identify potential events that may affect the entity, and manage risks to be within its risk appetite, and to provide reasonable assurance regarding the achievement of entity objectives. Other than the ERM framework, there is another robust framework, Integrated Risk Management (IRM) which brings the various risks together such as market risk, credit risk, finance risk, operational risk, information technology risk as well as compliance.





Despite several attributes distinguishing ERM and IRM, both are really process-oriented, systematic and embedded in many core areas of business. An organisation needs to develop a clear risk appetite statement that prioritises the risks it is willing to take to realise its strategic objectives and create value for the stakeholders. In order to create value, a specific number of critical risk management processes must be executed inclusive of risk identification, assessment, treatment, communication and review.

Upon completion of the risk management processes, the organisation's risk profile should uniquely emerge taking into consideration both the external and internal risks faced by the organisation, quantifiable and vice versa. This risk profile (also known as risk matrices) contains all identified risks or anticipated events with assigned likelihood to occur and impact, which help to improve the final outcome. Among the potential inherent risks are reputational, financial, people, strategic and legal.

Effective risk management entails a resilient weight on one's own risk assessment. A major challenge is to understand the various forces within the risk framework, to measure and predict the strength and the direction of the variables, and to form a disciplined approach to react to them (avoid,

control or effectively manage the identified risks). Every single risk identified should be classified from the level of likelihood and impacts, then reported and communicated in a form of Key Risk Indicators (KRI). These KRIs need to be linked to strategy, objectives and target performance levels, with a good understanding of the drivers or factors to risk. Ultimately, they will be measured and reported to the senior management for a decision. An example of KRI would be staff absenteeism under the Human Resource Strategy and number of customer complaints under the Marketing Strategy.

ERM can be viewed as a top-down approach on which the direction established by the board and the senior management shapes corporate risk culture and the organisation's internal and external relationships. One of the challenges of ERM implementation is to develop culture where everyone in the organisation acts as the 'Risk Manager' being responsible for managing each risk and realising the expected outcome. They are the first 'tier' or first line of defence in facing the risk and making decisions towards the risks. As such, the key success factor towards an effective enterprise risk management is the people themselves, regardless of the complexity and the length of the risk.



## Kursus Penyelenggaraan Taman dan Lanskap Staf UniSZA 2015

Kursus Penyelenggaraan Taman dan Lanskap Staf UniSZA 2015 telah diadakan di Dewan Panca Delima, Pusat Kesenian dan Warisan, UniSZA Kampus Gong Badak pada 13-14 Mei 2015.

Kursus ini telah dianjurkan bagi memberi pendedahan kepada para peserta tentang proses perancangan pelaksanaan kerja-kerja lanskap, teknik-teknik penanaman dan penyelenggaraan tanaman lanskap. Jumlah peserta yang terlibat dalam kursus ini ialah seramai 60 orang termasuk Pegawai dan Penolong Pegawai Pertanian, Pembantu Tadbir, Pembantu Awam dan sepuluh orang terdiri daripada kakitangan kontraktor penyelenggaraan taman UniSZA.

Taklimat kursus kali ini telah disampaikan oleh penceramah yang berpengalaman dalam bidang penyelenggaraan taman dan lanskap iaitu Encik Anas Ali dan Encik Mohd Azwan Mamat yang merupakan Penolong Pegawai Pertanian dari Jabatan Pertanian Negeri Terengganu. Selain teori, para peserta juga diberi peluang untuk melakukan kerja-kerja amali. Melalui kursus ini, para peserta telah mendapat pengetahuan



daripada pelbagai teknik terkini yang sejajar dengan arus kemodenan pertanian pada masa kini. Penceramah telah memperkenalkan jenis-jenis tanaman hiasan yang terbaru di pasaran yang mungkin boleh menggantikan hiasan lama di UniSZA. Semua peserta diberi peluang untuk melakukan sendiri proses pembiakan dan pencantuman baka.

Pelbagai jenis tanaman telah dibawa khas dari ladang Jabatan Pertanian Negeri Terengganu bagi memudahkan penceramah melakukan demonstrasi tersebut. Menariknya, kerja-kerja amali itu telah dilakukan berhampiran dengan Dewan Perdana UniSZA sekaligus dapat menghiasi sekeliling dewan dengan hiasan-hiasan pokok yang baru.

## Robocamp: From Zero to Hero



Persatuan Mahasiswa Fakulti Informatik dan Komputeran (PMFIK) telah menganjurkan Bengkel Robocamp: *From Zero to Hero* anjuran bersama Kelab RoboPro di bawah seliaan penasihat kelab iaitu Dr. Engku Fadzli Hasan Syed Abdullah, Dr. Mokhairi Makhtar dan Encik

Azrul Amri Jamal dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniSZA.

Bengkel ini melibatkan seramai 60 orang peserta. Para peserta telah dibahagikan kepada tiga kumpulan yang berlainan

sesi. Sesi pertama diadakan pada 20-21 Mac 2015, diikuti sesi kedua pada 27-28 Mac dan berakhir dengan sesi ketiga pada 3-4 April 2015.

Bengkel ini dapat memberi pendedahan dan peluang kepada mahasiswa untuk meneroka bidang elektronik dan robotik yang menggunakan pengaturcaraan terbenam (*embedded programming*).

Melalui bengkel ini juga para peserta turut diberi peluang untuk menonjolkan bakat, idea dan kreativiti masing-masing dalam sesi inovasi mini projek menggunakan set *Arduino*. Sepanjang program ini dijalankan, para peserta diberi pendedahan untuk menghasilkan idea-idea kreatif dan berinovatif.

Pelaksanaan bengkel ini bukan sahaja dapat memberi impak positif dari segi kreativiti para peserta malah dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara mereka.



## Kursus Transformasi Kecemerlangan Diri dan Motivasi Staf UniSZA 2015

Pejabat Pendaftar UniSZA telah berjaya menganjurkan Kursus Transformasi Kecemerlangan Diri dan Motivasi Staf UniSZA pada 27-29 Mei 2015 bertempat di Tanjung Demong Beach Resort, Bukit Keluang, Besut, Terengganu.

Seramai 42 orang peserta pelbagai jawatan dari Pusat Tanggungjawab (PTJ) telah terlibat dalam kursus ini. Objektif kursus ini adalah untuk meneroka personaliti dan potensi dalaman setiap peserta, serta mengenal pasti kelebihan diri yang dapat membantu meningkatkan pencapaian dalam kerjaya dan kehidupan seharian. Selain itu, kursus ini dapat meningkatkan kualiti hubungan dengan warga kerja yang lain dan meningkatkan kecekapan operasi di setiap organisasi.



Kursus ini dirasmikan oleh Pendaftar UniSZA, Prof. Madya Nordin Jusoh. Ucapan oleh Pendaftar itu sedikit sebanyak telah membangkitkan semangat para peserta untuk menjadi pekerja yang cemerlang. Tambahan pula, penceramah yang berpengalaman telah dijemput untuk mentransformasikan peserta ke arah kecemerlangan iaitu Encik Alwan Wagiman dari HPI Consultant.



Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang kursus ini berlangsung. Antaranya ialah latihan dalam kumpulan, kuliah Maghrib dan Subuh, *qiamullail* dan aktiviti luar. Para peserta sangat bersemangat dan teruja semasa melakukan semua aktiviti tersebut.



## MPI '15 Kebanggaan CRIM dan UniSZA

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) telah menganjurkan Minggu Penyelidikan dan Pertandingan Inovasi (MPI'15) buat kali kedua pada 14-16 April 2015. MPI'15 yang bertemakan ‘Penyelidikan Teras Komuniti Berinovasi’ ini telah berlangsung di Dewan Perdana, UniSZA Kampus Gong Badak. Antara aktiviti yang diadakan sepanjang MPI '15 ini adalah sidang ucaptama dan sesi selari, *UniSZA Research Conference 2015* (URC 2015), pertandingan inovasi, pameran poster penyelidikan dan inovasi, jualan produk keusahawanan dan aktiviti bersama pelajar sekolah. Program ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim. Majlis perasmian ini turut diserikan dengan pelancaran produk i-Tasrif dan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UniSZA dengan Collaborative Research in Engineering, Science & Technology (CREST) bagi pengkomersialan produk EDUBI. MPI'15 telah menerima kunjungan dari beberapa institusi pengajian tinggi antaranya Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Kolej Universiti TATI, Kolej Komuniti serta pelajar dari empat buah sekolah menengah sekitar Terengganu.

URC 2015 telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan menerima sebanyak 262 penyertaan merangkumi mod pembentangan lisan dan poster. Antara objektif URC 2015 ialah untuk mengumpul warga penyelidik agar dapat membentangkan dan berkongsi hasil dapatan kajian

mereka, menggalakkan pertukaran idea dan pendapat dalam kalangan penyelidik dan ahli akademik serta mewujudkan peluang kepada penyelidik untuk mengenangkan hasil penyelidikan yang berimpak. Pembentangan lisan dan poster dibahagikan kepada lima kluster iaitu Sains Sosial dan Kemanusiaan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Teknologi dan Kejuruteraan, Sains Tulen dan Gunaan, Sains Kesihatan dan Perubatan serta Sastera dan Sastera Ikhtisas. Sebanyak dua anugerah telah disampaikan kepada peserta yang berjaya pada majlis penutup MPI 2015 iaitu Anugerah Kertas Kerja Terbaik (*Best Paper Award*) dan Anugerah Poster Terbaik (*Best Poster Award*).

Selain itu, pertandingan produk inovasi turut dipertandingkan dalam lima kategori iaitu Teknologi Maklumat (IT), Reka Bentuk (*Design*), Mekanikal (*Mechanical*), Model (*Framework*) dan Sains Makanan (*Food Science*). Sejumlah 73 produk telah dipertandingkan melibatkan penyertaan daripada kakitangan akademik dan penyelidik UniSZA (24 produk), pelajar UniSZA (23 produk), penyelidik luar (16 produk) dan pelajar luar (sepuluh produk). Penyertaan MPI'15 adalah menggalakkan dengan pertambahan sejumlah 42 produk berbanding tahun lepas. Penganjuran URC 2015 dan pertandingan inovasi ini telah berjaya mendapat maklum balas yang memberangsangkan daripada para peserta. Usaha sebegini akan diteruskan pada masa hadapan dengan penambahbaikan dari segi pengurusan serta kualiti program demi memartabatkan bidang penyelidikan, penerbitan dan inovasi di UniSZA.





## PPS WEEK 2015

Julung-julung kalinya PPS Week 2015 atau Minggu Pengajian Siswazah UniSZA 2015 telah diadakan di UniSZA. Program yang diadakan dengan kerjasama persatuan pelajar-pelajar siswazah UniSZA pada 17-20 Mei 2015 ini melepassi sasaran apabila jumlah calon yang mendaftar untuk masuk ke program-program pengajian siswazah seramai 114 orang.

Perasmian pembukaan telah diadakan serentak dengan program Seminar Waqaf dan pelancaran i-Care UniSZA serta pemeteraan perjanjian persefahaman MOU dengan beberapa buah agensi. Program ini diserikan dengan kehadiran Menteri Pendidikan II Malaysia, Menteri Besar Terengganu sebagai perasmian dan juga Naib Canselor UniSZA. Dalam ucapan perasmianya, Menteri Besar menyatakan:

*"Pentadbiran saya akan sentiasa menyokong dan mengalui-alukan langkah mana-mana jua pihak untuk melahirkan pakar-pakar dari kalangan anak negeri dalam semua lapangan ilmu. Kita sentiasa akan berbangga dengan kehebatan dan kecemerlangan ilmuwan kita. Insya-Allah, kita akan membuka seluas-luasnya peluang dan ruang kepada kakitangan sektor kerajaan untuk menyambung pengajian, melebarkan kemahiran dan menimba pengalaman dan kita akan memikirkan soal insentif dan galakan sesuai untuk mereka. Syabas dan terima kasih kepada pihak UniSZA yang memberikan pandangan dan cadangan yang baik untuk kakitangan awam dan swasta bagi menyambung pengajian di peringkat sarjana dan doktor falsafah, khususnya dalam bidang-bidang penting dan kritikal bagi kerajaan negeri demi meningkatkan prestasi dan penjanaan produktiviti. Saya memandang tinggi golongan pelajar dan penuntut ilmu. Mereka ialah masa depan, harapan, contoh teladan dan tokoh yang dinantikan. Kami menunggu anda untuk muncul sebagai 'murabbi' yang 'rabbani' ke dalam masyarakat"*

Sesuai dengan slogan 'PPS Menuju Transformasi', PPS Week 2015 dianjurkan bagi menyokong usaha kerajaan untuk meningkatkan kepelbagaian penyelidikan, penciptaan pengetahuan dan pembangunan teknologi. Melalui penganjuran sebegini UniSZA dapat menarik pelajar-pelajar terbaik di peringkat pascasiswazah untuk melanjutkan pengajian mereka di UniSZA. PPS Week 2015 juga merupakan wadah bagi UniSZA untuk merapatkan hubungan dengan masyarakat setempat melalui penganjuran beberapa aktiviti berbentuk perkongsian ilmu, riadah dan hiburan yang turut disertai oleh pelajar antarabangsa UniSZA.

Pelbagai aktiviti dan program menarik telah diadakan melibatkan pensyarah serta pelajar siswazah. Antaranya pertandingan poster yang melibatkan penyertaan seramai 145 pelajar sarjana dan doktor falsafah. Selain itu, ceramah dan forum akademik juga diadakan. Ia mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pelajar siswazah dan warga fakulti. Persembahan pelajar siswazah serta pameran makanan antarabangsa turut mendapat sambutan hebat daripada pengunjung. Di samping itu juga, acara-acara sukan seperti futsal, badminton, bola jaring, telematch dan boling turut diadakan bagi merapatkan hubungan antara para penyelia dengan pelajar siswazah.

Perasmian penutup telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni disusuli dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang.





# Seminar Akidah Pemikiran Islam 2015

Persatuan Mahasiswa Usuluddin dan Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), UniSZA serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Pusat Pemantapan Akidah, Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) telah menganjurkan Seminar Akidah dan Pemikiran Islam 2015 peringkat kebangsaan bertempat di Dewan Perdana, UniSZA, Kampus Gong Badak, Kuala Terengganu. Program yang berlangsung pada 25 April disertai oleh kira-kira 1,000 orang peserta yang terdiri daripada wakil-wakil IPT seluruh negara, jabatan-jabatan kerajaan dan swasta, jabatan agama dan mufti, jabatan pendidikan negeri serta masyarakat setempat. Tema yang diangkat dalam seminar ini ialah ‘Pengukuhan Akidah Melalui Pendekatan Wasatiyyah’.

Objektif utama seminar ini dianjurkan bagi menjelaskan tentang akidah *Ahli Sunnah Wal Jama'ah* yang sebenar kepada masyarakat Islam. Selain itu, program ini turut memberi pendedahan mengenai penyelewengan akidah dan pemikiran semasa seperti *Syiah*, *Wahabi*, ajaran sesat, ekstremis agama, liberalisme, pluralisme, sekularisme dan lain-lain lagi.

Majlis ini dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Dato' Haji Razali Shahabudin mewakili Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom. Dalam ucapan perasmiannya, beliau menyatakan bahawa pihak kerajaan sentiasa peka dan sensitif serta mengambil berat mengenai isu-isu yang berkaitan dengan akidah, memandangkan akidah *Ahli Sunnah Wal Jama'ah* berteraskan *manhaj Asya'irah* dan *Maturidiyyah* menjadi pegangan utama umat Islam di negara ini. Pegangan akidah yang tidak berlandaskan al-Quran dan hadis akan memberi kesan yang negatif kepada keselamatan negara



dan kesejahteraan rakyat di negara ini. Penyelewengan akidah seumpama ini akan menyebabkan umat Islam hidup dalam suasana kacau bilau, berpecah belah dan bercakaran sesama sendiri yang akhirnya akan memberi peluang kepada musuh-musuh Islam menghancurkan keamanan dan kestabilan umat Islam.

Dalam pada itu, Pengurus Jawatankuasa Pengajian, Mohamad Yusuf Ismadi, dalam ucapannya pula menyatakan harapan agar program seperti ini dapat melahirkan kesedaran tentang kepentingan mengukuhkan pegangan akidah *Ahli Sunnah Wal Jama'ah* di Malaysia. Selain itu, program ini bertujuan untuk menyedarkan masyarakat Islam di Malaysia bahawa penyebaran doktrin ajaran yang menyeleweng mampu mengancam keselamatan dan keamanan negara seperti *Islamic State* (IS) dan *Salafi Jihadi*. Ia juga mampu melahirkan kesedaran untuk menghayati pendekatan nilai-nilai *wasatiyyah* dalam kalangan umat Islam di Malaysia.

Antara tajuk menarik dalam sesi pembentangan adalah, ‘Keutuhan *Ahli Sunnah Wal Jama'ah* di Malaysia

dalam Memartabatkan Agama Islam’ yang disampaikan oleh Prof. Dato’ Zakaria Stapa (UKM), ‘Penularan Ajaran Sesat dan Kesannya Kepada Akidah Muslim’ oleh Dr. Mohd Safriz Ali (UniSZA), ‘Kepincangan dan Penolakan Terhadap Fahaman Syiah’ oleh Prof. Madya Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (UniSZA), ‘Dasar-dasar Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme’ oleh Ustaz Muhammad Rashidi Haji Wahab (UniSZA), ‘Ancaman Ekstremis Agama (IS) Terhadap Keselamatan dan Keamanan Negara’ oleh SAC Dato’ Ayob Khan Mydin Pitchay (PDRM) dan yang terakhir bertajuk ‘Kepentingan Pendekatan Wasatiyyah di Malaysia’ yang telah disampaikan oleh Dato’ Haji Mohd Yusuf Din (IWM).

Program ini turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniSZA, Prof. Dr. Nik Wan bin Omar, Setiausaha Politik Kepada YB Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir Baharom, Encik Bassori Abu Hassan dan Pengarah Institut Wasatiyyah Malaysia, Dato’ Haji Mohd Yusof Din. Majlis perasmian penutup disempurnakan oleh Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu, Dato’ Haji Mohd Rozali Salleh.



## Syarahan Perdana Gerakan Islam dan Cabaran: Perkongsian dari Barat



Syarahan Perdana Gerakan Islam dan Cabaran yang bertemakan Perkongsian dari Barat diadakan dengan tujuan menjadikan ia satu medium perkongsian ilmiah dan pengalaman bersama Lauren Booth, seorang wartawan dan aktivis hak asasi manusia.

Program anjuran bersama UniSZA dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu telah berlangsung pada 21 Mei 2015 bertempat di Dewan Perdana, UniSZA.

Sarah Jane Booth atau lebih dikenali dengan nama Lauren Booth dilahirkan di England, merupakan adik ipar kepada mantan Perdana Menteri Britain, Tony Blair. Beliau memeluk agama Islam pada tahun 2010 dan kini menetap di Qatar. Pemilik tubuh yang tinggi lampai ini, semakin lantang menyuarakan pendapatnya dalam memperjuangkan hak asasi manusia terutamanya berkenaan perjuangan rakyat di Palestin.

Beliau berkongsi perjalanan hidup sehingga terdetiknya hidayah Allah s.w.t. untuk beliau mendalamai agama Islam dan akhirnya menganut agama yang memberi ketenangan di hatinya. Beliau juga menceritakan pengalaman pengembalaan ke Gaza bersama aktivis-aktivis lain semasa menyampaikan bantuan kemanusiaan. Beliau turut menegaskan bahawa Israel telah menduduki tanah Palestin secara haram dan telah banyak melanggar hak asasi manusia sejagat.

Syarahan Perdana ini turut dihadiri oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (P&P), Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman, Timbalan Naib Cancellor (HEPA), Prof. Dr. Nik Wan Omar, pegawai-pegawai kanan universiti serta seramai lebih 800 peserta tempatan dan luar negara yang terdiri daripada kakitangan awam dan swasta, para pelajar dan komuniti setempat.

Antara cabaran semasa yang melanda dunia ialah momokan daripada media-media barat yang sering mengaitkan Islam dengan keganasan. Ini boleh dilihat melalui media cetak dan elektronik utama mereka yang saban hari menyiarkan berita atau artikel yang berat sebelah tanpa memberi ia ruang untuk pembelaan Islam. Justeru, ia menyukarkan usaha-usaha untuk membendung fenomena *Islamophobia* dalam kalangan masyarakat dunia. Beliau turut menegaskan bahawa peranan media yang adil dan telus sangat penting dalam



memaparkan realiti Islam yang sebenar serta menjadi tanggungjawab semua dalam mencerminkan keperibadian Muslim yang sebenar bagi mengekang tanggapan negatif terhadap Islam.

Perkongsian pengalaman dan ilmu daripada Lauren Booth dapat meningkatkan kesedaran terhadap cabaran dalam memperjuangkan agama Islam masa kini. Semua pihak harus memainkan peranan dalam menghadapi cabaran dan tohmoahan media barat terhadap kesucian agama Islam. Pihak UniSZA akan terus bekerjasama dengan mana-mana pihak dalam menganjurkan program yang dapat memberikan manfaat kepada Islam dan negara pada masa akan datang.



## UniSZA – HACK 2015

Program UniSZA-HACK 2015 merupakan salah satu program yang dirancang bagi memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai pembangunan dan isu-isu semasa berkaitan dengan teknologi maklumat. Program yang diadakan ini terbuka kepada semua pensyarah Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) dan diwajibkan kepada semua pelajar semester akhir program pengajian Sarjana Muda Sains Keselamatan Rangkaian Komputer (KRK) dengan Kepujian.

Program yang berlangsung selama dua hari ini telah dianjurkan pada 24 dan 25 April 2015. Ia dibahagikan kepada beberapa slot yang dikendalikan oleh dua orang pegawai *Green Zone Technologies* iaitu Encik Wan Marzuki Hazmi Wan Hassan dan Encik Azuan Ahmad. Pihak FIK juga telah menjemput pensyarah daripada Fakulti Perakaunan, Undang-undang dan Hubungan

Antarabangsa (FLAIR) iaitu Cik Nur Amani Fauzai dan Dr. Mohamad Afendee Mohamad dari FIK untuk menyampaikan ceramah. Di samping itu, FIK juga menjemput seorang penceramah daripada *Cybersecurity Malaysia*, Encik Aaron Ikram Moktar untuk berkongsi ilmu dan maklumat berkaitan bidang keselamatan siber di Malaysia.

Objektif utama program ini adalah untuk mencungkil bakat, kebolehan serta kemahiran teknologi maklumat para peserta melalui pertandingan yang dianjurkan. Program ini juga banyak memberi manfaat yang berguna kepada fakulti kerana dapat memberi peluang kepada para peserta untuk menunjukkan kreativiti masing-masing dalam menambahbaik penggunaan teknologi maklumat ke tahap maksimum.



Pelaksanaan program ini dapat memberi pendedahan yang lebih jelas kepada para peserta mengenai realiti dunia siber. Ia bukan sahaja membantu dalam pembelajaran malah meningkatkan tahap kesedaran mengenai kewujudan jenayah siber dan kesan terhadap pengguna.



# WACANA PERADABAN

Persatuan Mahasiswa Pengajian Islam Dakwah dan Teknologi Maklumat (PERSADA) dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor HEPA serta Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniSZA telah menganjurkan program perbincangan ilmiah yang bertajuk ‘Wacana Peradaban: Asas-asas Ajaran Kristian dan Hindu Sebagai Perbandingan Agama di Malaysia’. Program ini memberi manfaat kepada para pendakwah bagi menyampaikan dakwah Islam berteraskan Ilmu Perbandingan Agama dalam menentang dakyah agama lain kepada masyarakat.

Program yang berlangsung pada 5 April 2015 di Dewan Gimnasium UniSZA ini mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan daripada para pelajar. Program ini juga telah dirasmikan oleh Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam iaitu Prof. Madya Dr. Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali. Dalam ucapannya, beliau menyatakan bahawa wacana seperti ini amat penting bagi membuka minda pelajar khasnya dalam mengaplikasi aspek perbandingan agama sebagai seorang pelajar yang mengambil jurusan agama. Di samping dapat mengenali sudut pandang agama yang berbeza antara agama Islam dengan ajaran-ajaran agama yang lain, wacana ini dapat membimbing pelajar dalam menjalankan aktiviti dakwah secara konstruktif dan inovatif.

Wacana ini telah disertai oleh 350 peserta yang terdiri daripada pelajar semester dua Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam Dakwah, Syariah dan Usuluddin serta pelajar-pelajar dari fakulti lain. Dua orang penceramah telah dijemput bagi mengisi slot-slot yang telah disediakan. Penceramah pertama ialah Haji Muhammad Abdullah Nicholas Sylvester yang merupakan pengasas *Hidayah Center* manakala penceramah kedua ialah Ustaz Fitri Abdullah yang merupakan Panel Dakwah dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Semasa sesi soal jawab, pelbagai isu dikemukakan oleh pelajar sama ada ada yang berkaitan dengan ajaran agama seperti Hindu serta Kristian. Antara isu-isu tersebut ialah yoga, ‘tuhan Tamil’, kelahiran semula, roh kudus dan baptis, halal dan haram dalam Kristian dan Nabi Isa a.s..

Berkenaan dengan isu yoga, Ustaz Fitri menyatakan, agama Hindu dan yoga mempunyai hubungan yang erat kerana itu adalah cara penganutnya mendekati tuhan. Mengenai ‘tuhan Tamil’ beliau menjelaskan, masyarakat India di Malaysia mengakui bahawa mereka menyembah ‘tuhan Tamil’ bukan tuhan Hindu. Ini disebabkan nama sembahannya Hindu seperti Siva adalah nama bagi orang Tamil. Tentang kelahiran semula, beliau menyatakan, isu ini merupakan penemuan baharu dalam ajaran Hindu. Hal ini tidak pernah diperkatakan tetapi dipopularkan oleh kumpulan yang dikenali sebagai *Are Rama Are Krishna*. Sebaliknya, dalam kitab Hindu, kelahiran semula dikenali sebagai *Purna Jannam* yang bermaksud dunia lain yang bakal ditempuhi oleh manusia.

Sementara Ustaz Nicholas dalam penjelasannya mengenai roh kudus, menyatakan bahawa roh kudus itu merupakan roh tuhan. Jesus pula dianggap sebagai anak tuhan. Roh kudus bukan sahaja berada pada Jesus bahkan turut berada pada semua muridnya. Tafsiran seperti ini dikira keterlaluan dan berlebihan kerana mengagungkan manusia sampai kepada taraf ketuhanan. Selanjutnya, beliau menyatakan secara ringkas tentang halal dan haram menurut ajaran Kristian yang boleh disemak dalam sebuah buku yang dikenali sebagai Kitab Kuning. Seterusnya berkenaan dengan Nabi Isa a.s., terdapat dua pandangan mengenainya. Ada yang beranggapan Nabi Isa sebagai nabi dan ada yang mempercayai Nabi Isa adalah tuhan. Akhirnya berkenaan dengan pendakwah Kristian yang aktif menjalankan propaganda mereka, beliau menjelaskan, mereka bersandarkan kepada satu petikan dalam Bible yang berbunyi: “Pergilah ke mana pun, kristiankan mereka semua atas dasar tuhan bapa, tuhan anak, tuhan roh kudus”. Atas dasar ini mereka menyampaikan dakwah meskipun mereka sendiri mempunyai permasalahan dalam agama mereka.

Program wacana yang dianjurkan ini adalah bermatlamatkan untuk membuka minda para pelajar tentang pentingnya mempelajari Ilmu Perbandingan Agama. Selain itu ia juga dapat melahirkan mahasiswa yang memiliki ilmu yang mantap dan berfikiran terbuka dalam menyampaikan dakwah terutamanya kepada komuniti bukan Islam selaras dengan moto UniSZA iaitu ‘Ilmu Demi Faedah Insan’.



## Bengkel Tesis Ke Buku 2015

Bersesuaian dengan misinya untuk menerbitkan lebih banyak buku ilmiah, Penerbit UniSZA telah menganjurkan Bengkel Tesis Ke Buku 2015 pada 8-10 Jun 2015 di Hotel Tanjung Vista melibatkan 40 orang peserta dari dalam dan luar UniSZA.

Selain bertujuan untuk membimbing dan melatih para peserta untuk memindahkan tesis ke dalam bentuk manuskrip yang boleh diterbitkan, bengkel ini juga memberi panduan kepada peserta tentang prinsip kebolehterbitan dan kebolehpasaran tesis ke buku. Di samping itu, para peserta turut didedahkan dengan teknik memindahkan tesis kepada manuskrip yang sedia untuk diterbitkan. Bengkel ini dikendalikan oleh penceramah dan fasilitator yang kaya dengan pengalaman dalam bidang penulisan dan penerbitan karya ilmiah, iaitu Prof. Madya Dr. Hamedи Mohd Adnan dari Universiti Malaya.

Menerusi bengkel ini, para peserta berpeluang berkongsi ilmu berkaitan



dengan penerbitan ilmiah melalui enam sesi ceramah iaitu Buku Ilmiah dan Penerbitan Ilmiah di Malaysia, Persamaan dan Perbezaan Tesis dengan Buku, Memahami Binaan Buku Ilmiah, Teknik Memindahkan Tesis ke Buku dan Isu-isu dalam Pemindahan Tesis ke Buku. Para peserta juga diberikan bimbingan secara hands-on untuk melakukan pemindahan daripada tesis kepada buku.

Penolong Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Razali Agus dalam ucapan perasmianya menyatakan bahawa penulisan buku ilmiah merupakan salah satu aktiviti penting dan menjadi keutamaan bagi sebuah institusi pengajian tinggi kini. Oleh yang demikian, bagi memastikan aktiviti penulisan buku ilmiah giat dijalankan dalam kalangan warga akademik UniSZA, latihan dan bimbingan

secara berterusan perlu dilaksanakan. Justeru, penganjuran bengkel ini dapat membantu peserta untuk mengetahui proses dan keperluan dalam mentransformasikan tesis ke buku ilmiah yang boleh diterbitkan.

Julung-julung kalinya, bengkel anjuran Penerbit UniSZA ini berjaya menarik perhatian daripada peserta luar UniSZA iaitu seramai 17 orang. Kesemua peserta luar yang menyertai bengkel kali ini terdiri daripada pensyarah Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Kolej Universiti TATI (TATTUC). Daripada bengkel ini, Penerbit UniSZA menasarkan untuk memperoleh sehingga 20 manuskrip bagi diterbitkan. Para peserta perlu menghasilkan manuskrip masing-masing dan menyerahkannya kepada Penerbit UniSZA dalam tempoh yang ditetapkan.





## *Sejenak Bersama Bendahari UniSZA*

# *Prof. Madya Ariza Ibrahim*

Apakah pandangan Y. Bhg. Prof. Madya tentang peranan Pejabat Bendahari dalam perjalanan sebuah institusi pengajian tinggi?

Sumber kewangan merupakan tunjang kepada pengurusan mana-mana organisasi pun, tidak terkecuali UniSZA. Sebagai pejabat yang dipertanggungjawabkan dengan amanah untuk menguruskan hal ehwal kewangan sudah tentu peranannya amat besar dan penting. Menguruskan sebuah universiti memerlukan peruntukan kewangan yang besar bagi merealisasikan aktiviti-aktiviti serta program-program ke arah mencapai visi dan misi penubuhannya. Oleh itu, keperluan untuk mempunyai sumber kewangan dan seterusnya memastikan sumber tersebut digunakan secara optimum bukan satu tugas yang mudah dan remeh. Justeru, ia memerlukan komitmen dan ketelitian yang tinggi sementelah tanggungjawab ini mempunyai pelbagai risiko yang mampu meletakkan universiti dalam pelbagai masalah jika tidak diuruskan dengan betul. Itu sudah cukup untuk menggambarkan peranan dan tanggungjawab kami di Pejabat Bendahari.

Apakah matlamat jangka masa panjang yang telah direncanakan oleh Pejabat Bendahari bagi menjamin sistem pentadbiran dan pengurusan kewangan UniSZA yang mapan?

Pengurusan kewangan menjadi salah satu agenda utama yang telah direncanakan dan dibincangkan dalam Pelan Strategik UniSZA, malah ia juga ditarikhkan sebagai salah satu tonggak dalam Pelan Pembangunan Kementerian Pengajian Tinggi. Bagi menjamin kemampunan kewangan universiti, penggantungan kepada geran kerajaan perlu dikurangkan dari semasa ke semasa. Kedudukan ekonomi negara memberi isyarat bahawa universiti perlu menyusun

strategi bagi meningkatkan penjanaan hasil dalaman. Susulan daripada itu, pendekatan dan perancangan memang telah difikirkan di peringkat UniSZA dan telah mula dilaksanakan bagi memastikan keperluan-keperluan kewangan UniSZA tidak terjejas walaupun peruntukan daripada kerajaan semakin dikurangkan ataupun semakin terhad. Sehubungan itu, kerangka kelestarian kewangan UniSZA telah dibangunkan sebagai panduan dan rujukan dalam hal ini.

**Bagaimana pihak Bendahari bekerjasama dengan semua Pusat Tanggungjawab (PTj) di UniSZA untuk menghadapi cabaran kewangan semasa bagi menjayakan perancangan universiti?**

Sebagaimana Pejabat Pendaftar mahupun Pusat Teknologi Maklumat ataupun Jabatan Pengurusan Pembangunan, Pejabat Bendahari merupakan PTj yang memberi khidmat sokongan kepada universiti dalam melaksanakan aktivitinya. Sebagai PTj yang diamanahkan untuk menguruskan hal ehwal kewangan UniSZA, Pejabat Bendahari perlu bekerjasama dengan semua PTj bagi memastikan sumber kewangan UniSZA diuruskan dengan baik dan cekap. Dalam menghadapi cabaran kewangan semasa, keperluan sumber kewangan PTj perlu ditangani secara berhemah supaya tidak mengganggu kelancaran dan kelangsungan aktiviti utama universiti. Untuk itu, memahami keperluan kewangan PTj dan kesedaran bahawa tanggungjawab untuk mendapatkan sumber kewangan adalah tanggungjawab bersama memberikan senario yang sihat dalam pengurusan kewangan, lebih-lebih lagi dalam cabaran kewangan semasa yang mana universiti tidak lagi boleh meletakkan kebergantungannya kepada sumber kewangan daripada geran kerajaan. Dengan prestasi pendapatan negara yang terjejas serta keluasan status



autonomi yang diberi, universiti perlu bergerak cergas dalam mempelbagaikan serta meningkatkan penjanaan hasilnya sendiri dalam menampung keperluan pembiayaan aktivitinya. Sudah tentu peranan ini tidak terletak di bahu Pejabat Bendahari sahaja tetapi menjadi agenda bersama semua PTj. Perubahan persekitaran universiti masa kini memerlukan supaya universiti merancang bagaimana untuk melaksanakan fungsinya bagi mencapai matlamat penubuhannya termasuk mencari sumber kewangan. Oleh itu, semua PTj perlu menggunakan kepakaran serta aset yang ada bagi memastikan kelangsungan sumber dan perkhidmatannya. Ini bermaksud pendekatan konvensional iaitu pembiayaan semua aktiviti perkhidmatan universiti oleh kerajaan sudah tidak sesuai dan relevan. Keadaan ini meluaskan lagi fungsi Pejabat Bendahari dalam pengurusan kewangan universiti yang memerlukan kerjasama secara lebih rapat dengan PTj-PTj untuk menjana hasil universiti.

**Sebagai sebuah badan berkanun, apakah yang dimaksudkan dengan aktiviti penjanaan hasil? Bagaimana perancangan Y. Bhg. Prof. Madya sebagai Bendahari UniSZA dalam meningkatkan aktiviti penjanaan hasil seperti yang disarankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia?**

UniSZA merupakan universiti awam (UA) berstatus badan berkanun dengan Lembaga Pengarah sebagai kuasa eksekutif paling tinggi. Ini bermaksud dalam tadbir urusnya universiti boleh menerima pakai sepenuhnya atau sebahagian daripada pekeliling kerajaan atau mempunyai peraturan dan garis panduannya sendiri. Begitu juga dari aspek sumber kewangannya yang tidak sepenuhnya datang daripada kerajaan. Justeru, universiti



perlu aktif dan cergas dalam mencari sumber pembiayaan melalui aktiviti penjanaan hasil bagi memastikan kemampunan kewangannya. Aktiviti penjanaan hasil yang dimaksudkan meliputi usaha dan program untuk mendapatkan pendapatan daripada aktiviti pengkomersialan dan sumber pembiayaan luar selain daripada geran kerajaan. Sebagai UA, UniSZA tidak boleh bergantung seratus peratus terhadap peruntukan kerajaan dalam pembiayaan operasi dan pembangunan universiti. Ini bermakna, sumber kewangan daripada kerajaan hanya sebahagian daripada sumber dana universiti, manakala selebihnya universiti perlu menjana hasil sendiri untuk menyediakan sumber kewangan yang mencukupi. Agenda Pelan Kelestarian Kewangan Kementerian adalah untuk memberikan kuasa autonomi kepada universiti, maka peranan universiti dalam mendapatkan hasil dalam perlu dipergiatkan.

Sehubungan itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) meletakkan lonjakan kemampunan kewangan sebagai salah satu daripada sepuluh lonjakan utamanya. Lonjakan ini perlu direalisasikan di universiti melalui pelbagai cara termasuk penawaran program-program pengajian, aktiviti

pengkomersialan, endowmen serta aktiviti penjimatan. Sebenarnya UniSZA mempunyai produk dan aset yang cukup banyak yang boleh dimanfaatkan untuk mendapatkan hasil. Program-program pengajian, produk penyelidikan, kepakaran, penerbitan, harta tanah dan ruang serta potensi lokasinya merupakan peluang ke arah itu. Alhamdulillah, UniSZA semakin rancak mengorak langkah dalam agenda ini. Pelbagai aktiviti penjanaan hasil telah dan sedang dilaksanakan di samping yang dirancang untuk masa-masa akan datang. Penglibatan PTJ serta staf yang sangat menggalakkan memberi gambaran akan kesedaran serta komitmen mereka dalam hal ini.

**Bagaimanakah Pejabat Bendahari menangani isu berkaitan pelajar dan yuran?** Apakah alternatif yang disediakan oleh pihak Bendahari bagi membantu pelajar yang tidak berkemampuan atau bagi pelajar yang ada masalah berkaitan dengan pinjaman pelajaran?

Seperti juga universiti-universiti lain, pelajar UniSZA layak untuk mendapat Pinjaman Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) dan majoriti pelajar UniSZA adalah peminjam PTPTN. Selebihnya melibatkan penaja-penaja lain

seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), yayasan negeri dan seumpamanya. Bagi membantu pelajar dalam hal ehwal penajaan atau pembiayaan pengajian satu unit khas telah dipertanggungjawabkan di Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dalam urusan berkaitan iaitu unit biasiswa dan penajaan. Unit ini bekerja rapat dengan bahagian Kewangan Pelajar, Pejabat Bendahari dalam menguruskan hal ehwal kewangan pelajar.

Selain itu, UniSZA juga menyediakan beberapa tabung bantuan kewangan bagi membantu pelajar yang memerlukan. Ini khusus untuk menjaga kebijakan pelajar yang memerlukan bantuan kewangan di samping dana zakat yang disumbangkan oleh pihak luar untuk diagihkan kepada pelajar daripada golongan asnaf. Jawatankuasa penilai yang dipengerusikan oleh HEPA akan membuat penilaian dari segi kelayakan pelajar, manakala Pejabat Bendahari hanya menyalurkan dana tersebut.

Bagi memastikan akaun pelajar diuruskan dengan cekap dan telus, satu sistem yang dinamakan Sistem Akaun Pelajar (MySAP) telah dibangunkan dan digunakan. Segala caj yang dikenakan serta bayaran daripada pelajar direkodkan secara atas talian dan boleh diakses





oleh pelajar pada bila-bila masa. Sistem ini telah diselaraskan dengan peraturan akademik serta peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa bagi memudahkan pengurusan, kawalan dan pemantauan akaun pelajar. Walau bagaimanapun, kaunter Perkhidmatan Kewangan Pelajar masih dilaksanakan bagi membantu pelajar.

**Bagaimana Pejabat Bendahari berperanan untuk memantapkan pengurusan pentadbiran dan kewangan universiti bagi memenuhi kepuasan pelanggan khususnya staf UniSZA?**

Dalam konteks Pejabat Bendahari, staf UniSZA merupakan salah satu daripada kumpulan pelanggan terbesar kami. Dalam menguruskan hal ehwal kewangan staf, Pejabat Bendahari bekerja rapat dengan Pejabat Pendaftar bagi mendapatkan maklumat berkaitan perjawatan, emolumen, persaraan mahupun latihan staf yang semuanya mempunyai implikasi kewangan.

Bagi memantapkan pengurusan kewangan staf, satu bahagian yang dinamakan Bahagian Kewangan Staf telah ditubuhkan di Pejabat Bendahari. Bahagian ini menguruskan pembayaran emolumen, tuntutan, pinjaman, pendahuluan, yuran latihan serta seminar dan lain-lain kelayakan kewangan staf mengikut pekeliling serta peraturan yang berkuatkuasa. Bahagian ini sentiasa mencari peluang dalam menambahbaik perkhidmatannya kepada staf dengan membangunkan aplikasi teknologi maklumat yang dapat memudahkan urusan tanpa menjelaskan aspek kawalan dan pemantauan. Selain sistem *Standard Accounting System for Goverment Agencies (SAGA)* yang diintegrasikan dengan *Human Resource Management Information System (HRMIS)*, bahagian ini dalam peringkat akhir membangunkan sistem e-CLAIM bertujuan memudahkan urusan tuntutan staf mengikut kelayakan masing-masing. Pelaksanaan sistem ini dijangka mampu menangani pelbagai masalah yang timbul dalam proses tuntutan secara manual.

Bahagian ini juga memberikan perkhidmatannya dalam membantu urusan staf dengan agensi luar berkaitan seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

(KWSP) dan lain-lain. Selaras dengan perkembangan semasa berkaitan dengan keperluan pengurusan kewangan staf, Pejabat Bendahari melalui Bahagian Kewangan Staf sentiasa berusaha untuk menambahbaik perkhidmatannya.

**Apakah strategi yang disusun oleh Pejabat Bendahari dalam menangani permasalahan berkaitan dengan pengurangan peruntukan universiti?**

Apabila kita bercakap tentang pengurangan peruntukan universiti, ini menunjukkan sumber kewangan daripada kerajaan semakin mengelil, sedangkan keperluan kita terhadap kewangan semakin meningkat seiring dengan perkembangan universiti. Jadi seharusnya universiti perlu memikirkan bagaimana untuk mencari sumber kewangan selain daripada peruntukan kerajaan. Oleh itu, pelbagai usaha telah dilakukan oleh universiti, contohnya penjanaan hasil untuk menambah atau memastikan bahawa sumber kewangan yang diperlukan mencukupi bagi menampung perbelanjaan. Kaedah pengembangan atau penambahan sumber dana adalah seperti yang diterangkan sebelum ini. Satu lagi usaha yang dilakukan untuk mengimbangi perkara ini adalah usaha penjimatan. Ini bermakna, kita perlu juga mencari peluang penjimatan dan berhemah dalam berbelanja. Konteks penjimatan dan perbelanjaan berhemah ini memberi keutamaan kepada aktiviti berimpak tinggi menerusi pelaksanaan minimum tanpa menjelaskan prestasi.

Dari segi peruntukan kepada PTJ, setiap tahun dalam proses penyediaan bajet universiti, Pejabat Bendahari akan mendapatkan maklumat daripada PTJ yang kemudiannya disaring sebelum dihantar kepada kementerian, tetapi di peringkat kementerian pun penyaringan turut dilakukan. Setiap tahun UniSZA tidak akan memperoleh jumlah peruntukan sebagaimana yang dipohon malah jauh lebih kecil. Namun perlu difahami bahawa itu adalah jumlah peruntukan yang akan disalurkan oleh Pejabat Bendahari kepada PTJ.

Dalam aktiviti penjanaan hasil, garis panduan perkongsian hasil antara universiti dengan PTJ telah diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan Universiti dan Lembaga Pengarah Universiti. Jadi PTJ kini boleh menampung ketidakcukupan peruntukan itu dengan aktiviti penjanaan

hasil. Maka, tidak timbul lagi isu PTJ yang bersusah payah menjana hasil tetapi hasil itu masuk ke tabung universiti keseluruhannya.

Dalam melaksanakan urusan yang berkaitan dengan pengurusan kewangan universiti, Pejabat Bendahari tidak akan berjaya secara sendirian. Ini bermakna Pejabat Bendahari memerlukan kerjasama dari semua PTJ dan semua staf dalam mencapai kecemerlangan pengurusan kewangan. Pematuhan kepada prosedur dan peraturan kewangan merupakan kunci utama kepada kecemerlangan pengurusan kewangan sementelah lagi UniSZA perlu berhadapan dengan pelbagai jenis audit dalam mahupun audit luar. Oleh itu, amalan membudayakan rujukan kepada prosedur dan peraturan dalam urusan harian adalah penting dalam soal ini tanpa menunggu untuk diaudit atau disemak. Harapan kami di Pejabat Bendahari adalah supaya PTJ dan staf memastikan bahawa pematuhan kepada prosedur dan peraturan kewangan tidak diabaikan.

Pejabat Bendahari dalam usaha menambah baik perkhidmatan kami mengalu-alukan teguran dan pandangan. Kami bersifat terbuka dan berterima kasih atas maklumat dan laporan yang dapat membantu kami memperbetulkan kekurangan serta meningkatkan kecekapan. Kami juga merakamkan jutaan terima kasih atas komitmen dan kerjasama semua PTJ terutama pihak Pengurusan UniSZA dalam merealisasikan pengurusan kewangan.

Secara khususnya juga saya merakamkan terima kasih dan penghargaan kepada semua warga Pejabat Bendahari yang bersama-sama sebagai satu keluarga besar memikul tanggungjawab menjayakan matlamat dan peranan Pejabat Bendahari UniSZA. Sekecil manapun peranan kita tetapi jika tidak dilaksanakan dengan betul, ia tetap akan menyebabkan matlamat yang besar tidak dapat dicapai sepenuhnya. Allah s.w.t. telah menentukan perkhidmatan kita diperlukan di sini dan jadikanlah ia sebagai satu amanah daripada Allah s.w.t. untuk kita. Sama-sama kita laksanakan dengan ikhlas dan terbaik.



# Sustainability Certification Of Malaysian Palm Oil: The Strategy Forward

Noorhayati Mansor, Ph.D

nhayatimansor@unisza.edu.my

Faculty of Law, Accountancy and International Relations

Malaysian palm oil production contributes positively to the economy and currently accounts for 39% of the world's exports (MPOC, 2015). The growth of crude palm oil production from 19.2 million tons to 19.6 million tons between 2013 and 2014 further supports the favourable industry performance (MPOC, 2015). However, accelerated expansion of plantation areas has been blamed for the damages to the environment and ecosystem.

The Malaysian Palm Oil Industry (MPOI) is heavily criticised for climate change and extinction of endangered

species due to mass deforestation (Bruce, 2010). The new requirement to export only sustainably-certified palm oil imposes additional operational costs, and downward pressure on profits. Thus, balancing environmental sustainability and industry profitability is now a strategic agenda for MPOI.

The industry depends heavily on the world market for its earnings since only 10% of the total production is domestically consumed. As an export-oriented industry, large MPOI companies are obligated to conform to the export requirements and obtain the RSPO certification. RSPO stands

for Roundtable on Sustainable Palm Oil which was initiated in 2003 and led by a non-profit body. RSPO-certification is currently a voluntary exercise in Malaysia. On 5 November 2013 the government approved a Malaysian variant of the palm oil certification standard called MSPO. It was implemented in April 2014 and is the third such scheme in the world after Indonesia Sustainable Palm Oil (ISPO) which was launched in 2011. The key issues in the MSPO certification are not only the certification costs but also the lengthy time taken to complete the process.




Figure 1: Procedure of MSPO certification scheme.

Figure 1 presents the procedures involved in completing the MSPO certification. Following submission of the application, a stage 1 audit will be conducted for document and practice verification. After the document audit, a session with stakeholders will be held to allow for clarifications and consultations. A second stage audit will then be scheduled to close any gap obtained during the first stage audit. A draft report of the findings will be issued following the second audit. The report will be reviewed by a panel

of experts who are appointed to form the task force for the certification. The final report is tabled to the Certification Board (CB) for the final approval. The approved application will be issued a certificate of compliance with the MSPO. The whole process may take years to complete.

Seven major principles form the basis of MSPO certification which are grouped into four parts: (i) general principles; (ii) general principles for independent smallholders; (iii) general

principles for palm oil plantations and organised smallholders; and (iv) general principles for palm oil mills. The MSPO is a customised-version of RSPO and designed to eliminate redundancies and accommodate the existing law, environmental regulations and current practices in the POI (MPOB, 2015). A comparison between the principles underlying RSPO and MSPO certification is presented in Table 1.



Table 1: Comparison of RSPO and MSPO Principles

No.	RSPO	MSPO Equivalent
P1	Commitment to transparency.	<b>P2:</b> Responsible to transparency of information, documents, method of communication, traceability.
P2	Compliance with applicable laws and regulations.	<b>P3:</b> Compliance to legal requirements.
P3	Commitment to long-term economic and financial viability.	<b>P1:</b> Management commitment and responsibilities.
P4	Use of appropriate best practices by growers and millers.	<b>P6:</b> Implement standard best practices.
P5	Environmental responsibility and conservation of natural resources and biodiversity.	<b>P5:</b> Environment, natural resources, biodiversity and ecosystem.
P6	Responsible consideration of employees and communities affected by growers and mills.	<b>P4:</b> Social responsibility, health, safety and employment conditions.
P7	Responsible development of new plantings.	<b>P7:</b> Commitment to develop new planting.
P8	Commitment to continuous improvement in key areas of activity	Not stated as a specific principle, partly embedded in P1.

Table 1 shows that both MSPO and RSPO are governed by similar principles but the sequencing varies except in the case of Principles no. 5 and no. 7. One additional principle on commitment to continuous improvement is clearly stated as Principle no. 8 under RSPO but only embedded in Principle no. 1 of MSPO. Thus, based on the underlying principles, choosing between MSPO and RSPO should not be the issue if the government decided to make sustainability certification a mandatory practice to MPOI. What is crucial for the stakeholders is for the MPOI to ensure the practice of responsible environmental protection and business sustainability. In particular, the acceptance of MSPO certification at the Asean Economic Community (AEC) should be the way forward for the MPOI to remain competitive and sustainable.

In the interest of MPOI growth and sustainability the government's commitment to implement the MSPO is highly commendable even though it is behind Indonesian's ISPO. The MSPO is not competing with RSPO but it is specifically tailored to the Malaysian needs and business practices. It was designed to complement the existing environmental laws and regulations and thus be more relevant than RSPO. It also eliminates costly redundancies with the applicable standards including the ISOs. Furthermore, MSPO provides detailed criteria and indicators to the various types of MPOI's participants. However, despite its advantages over the RSPO, the additional costs and time involved in the certification audits should be factored into the decision of whether the MSPO should be made a mandatory practice.

Moving forward, it is critical for MPOI to have a long-term strategy especially for product marketing and exports purposes. All government agencies related to MPOI especially the Malaysian Palm Oil Board (MPOB), Malaysian Palm Oil Association (MPOA) and Malaysian Palm Oil Council (MPOC) should strengthen their coordination and push for the global acceptance of MSPO certification. The additional element of *Halal* certification could be embedded in the MSPO and provide added value. The MPOI has to adopt the best accounting practices and promote a culture of responsible business. It is important for the industry to practice increased transparency and move towards integrated reporting. Disclosures of information in the annual reports especially on the environment, social, and governance practices should be made mandatory for MPOI. The move to mandatory disclosure will also promote the MSPO prescribed principles, and enhance sustainability.

The launching of the AEC in January 2015 provides a new milestone to harmonization of the ASEAN regional economy. The new single market with an expected strength of 600 million people should be the focus of trading and economic activities within the 10 ASEAN countries. MPOI should align its long term strategy such that its complete supply chain is within and controlled by the AEC. The palm oil producing countries should strategize their business model and produce the end products within the AEC and thus, eliminate their dependency on countries outside the AEC region for exports of raw materials. Together as an integrated economy, AEC is more effective to promote the country

specific certification schemes such as MSPO and ISPO to the European, American, Australian, and other main exporters of palm oil including China and India. Malaysia and Indonesia together produce more than 85% of the total global palm oil and both countries should lead the initiatives to ensure a sustainable palm oil industry within the AEC.

#### Acknowledgements

This article is part of a research project on sustainability certification of Malaysian palm oil sponsored by the Ministry of Education under the Fundamental Research Grant Scheme.

#### References

- Bruce, B., L. Carmody, N. Shaw, and R. Morales (2010). Issues For Responsible Investors: Palm Oil In Asia. Singapore: Responsible Research Pte Ltd.
- MPOA, (2014). Malaysia to Quit Roundtable on Sustainable Palm Oil grouping?. Retrieved on April 20, 2015, from <http://www.thestar.com.my/Business-News/2014/02/26>.
- Malaysian Palm Oil Council (2015). Malaysian Palm Oil Industry. Retrieved on March 12, 2015 from <http://www.kppk.gov.my/index.php/news-cutting/3692-palm-oil-implementation-of-the-malaysian-sustainable-palm-oil-mspo-certificationscheme.html>
- Mokmin, M., K. Ainie, and A. Kushairi (2014). Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO). Retrieved on March 13, 2015 from <http://www.ipicex.com/docs-/2014/oral/EN%20MOHD%20MOKMIN%20BAHARI%20IPICEX%202014/>.



# Towards Maqasid Al-Shariah Driven: Should Islamic Finance Propagate Esg And Innovation Issues?

Zunaidah Sulong, Ph.D  
Faculty of Economics and Management Sciences, UniSZA  
zunaidah@unisia.edu.my

The global Islamic finance industry remains resilient with growth in the midst of heightened uncertainty in the post-global financial crisis (GFC). Its assets reached USD2 trillion as at end 2014, and are expected to surpass USD3 trillion by 2018. As depicted in Figure 1, the Islamic finance assets are heavily concentrated in the Middle East and Asia, although the number of new markets is expanding. This growth will be underpinned by robust domestic demand in emerging economies, including Asia Pacific and the Middle East. Further, greater regional cooperation for ASEAN in Islamic finance will enhance linkages with the GCC market and rest of the world (see Figure 2 and 3).

Additionally, Table 1 and 2 show the year-on-year (YOY) growth of both Islamic banking and Islamic fund sectors' assets. Whereby the Islamic funds are predominantly invested in equity (see Table 3, 4 and 5 for global distribution of Islamic funds).




Figure 1: The global Islamic finance assets  
Source: ASEAN Capital Market CEO Summit 2015. [www.mifc.com](http://www.mifc.com)




Figure 2: Islamic Finance in South East Asia  
Source: MIFC Insight Report 2015 – SEA Economies Expand Islamic Finance. [www.mifc.com](http://www.mifc.com).




Figure 3: Islamic finance niche for ASEAN - regional wealth, new investor base with alternative investment class and financing the real economy

Sources: USSIF & Eurosif 2014 SRI Reports, Capgemini, RBC Wealth Management Global Wealth Report 2014, McKinsey "Southeast Asia at Crossroads: Three Paths to Prosperity" Report 2014, KPMG "Infrastructure Opportunities in ASEAN" 2014 (Adapted www.mifc.com).

Table 1: Size of global Islamic banking assets versus Islamic funds (USD billion)




Table 2: YOY increase in Islamic banking assets versus Islamic funds

Period	Islamic Banking Assets	Islamic Fund Assets
2009-2010	17.51%	8.93%
2010-2011	16.73%	1.64%
2011-2012	19.41%	8.06%
2012-2013	13.91%	8.96%

Source: Bloomberg, Eurekahedge, KFHR & World Islamic Banking Competitiveness Report 2014-15 (Adapted Haneef, 2015).




Table 3: Size and number of Islamic funds 2009-2013 (USD billion)




\*AuM = Assets under Management.

Table 4: Global Islamic funds by country and asset type



Source: Lipper Thompson Reuters – Global Islamic Asset Management Report 2014 & Bloomberg, Eurekahedge, KFHR. Based on 2013 data. 2014 data not yet available. (Adapted Haneef 2015).

Table 5: Global Islamic funds AuM (2008 - 17 Sept 2014)



Source: Zawya, Bloomberg, Eurekahedge, KFH Research Database. Global Islamic funds reached USD75.8 billion with 1,161 funds. Saudi Arabia and Malaysia hold 65% Shariah-compliant AuM. (Adapted www.mifc.com).



All in all, the trend demonstrates that Islamic finance is no longer at the infancy or childhood stage. Rather, it has risen to the next level, which is the adolescent stage. More importantly, the industry is gearing up to more sustainable growth, while also raising awareness on the issues that require a strong and sustained policy, more sophisticated regulatory framework and facilitation of innovation. Innovation is the key for the Islamic financial services industry to be on the path of sustainable growth. Typically, innovation in the global capital markets or the financial services industry is driven by the industry, by the forces of demand and supply.

First, innovation must keep pace with the level of sophistication in the global financial market. Examples of financial innovation include; the introduction of many Shariah-compliant products serving diverse investors, revised Shariah screening methodology with effective from November 2013, the Exchange Traded Bonds and Sukuk (ETBS), the world's first Islamic stapled security REITs of KLCC Property Holdings Bhd and the ASEAN CIS Framework for Cross Border Offering of Funds, an initiative of the ASEAN Capital Markets Forum, allowing collective investment schemes (CIS) including Islamic CIS to be distributed in three participating countries namely Malaysia, Singapore and Thailand. The launch of the environmental, social and governance (ESG) index is a fine example of how Bursa Malaysia Islamic market has been responsive to facilitate the innovation of the FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM) index to measure the performance of companies demonstrating strong ESG practices. The index is aligned with other leading global ESG frameworks such as Global Reporting Initiatives and the Carbon Disclosure Project (refer Figure 4).




Figure 4: The Environmental, Social and Governance (ESG) Index  
Source: Bursa Malaysia Islamic Market. <http://www.bursamalaysia.com/market/islamic-markets/>.



Figure 5: Islamic finance linkages to the real economy  
Source: Adapted from Haneef, 2015.

Second, innovation will serve to ensure that Islamic finance embraces and is built on the core values embedded in the Maqasid al-Shariah. Islamic financial products and services therefore should incorporate sustainable values towards the environment and society, being financially inclusive and incorporating environment, social and governance (ESG) principles. Thus, Islamic finance needs to lead the socially responsible financing and investing space in line with maqasid al-Shariah. Third, innovation for Islamic finance should be linked to the real sector especially through wider use of risk-sharing structures. Financing and investing that are linked to the real sector allows Islamic finance to be differentiated from conventional finance (see Figure 4).

Therefore, there is a need to evaluate the extent to which Islamic finance has embraced the ultimate objectives of Islamic law (Maqasid al-Shariah) in preserving benefits and preventing evils in relation to environmental, social and governance (ESG) issues. To what extent has Islamic finance emphasised socially responsible investment (SRI) and socially responsible financing (SRF) by observing ESG issues? Is there any difference between Shariah compliant investments versus SRI and SRF and how do Socially Responsible Investments add value? Should Islamic financial products and services include and incorporate ESG principles and innovation?



It is timely for the Islamic finance key stakeholders namely, Shariah scholars, Islamic economists and industry practitioners to move towards being Maqasid al-Shariah driven in its real essence. This is important to achieve the ultimate objective of Shariah in a comprehensive manner while addressing ESG and innovation issues. These issues are pertinent to be addressed because Islamic financial products should not only be Shariah compliant in their forms but must look into the substance, especially the impact of those products on the society and environment. However, this requires effort and hard work from various stakeholders of the industry, including the boards of directors and management of Islamic financial institutions (IFIs), Shariah scholars, economists, regulators, investors and customers to synergistically share insightful inputs and brilliant ideas.

ESG principles are the three main pillars defining responsible/ethical/sustainable finance and investment. **Environmental:** climate change, pollution, protection of biodiversity and the protection of indigenous communities and endangered species; **Social:** diversity, poverty, human rights, consumer protection, sin stock, animal welfare etc.; **Governance:** corporate structure, employee welfare, executive compensation etc. Islamic finance, being a product of Islamic normative values, should be expected to essentialize SRF and SRI in its operations in conformity with the Maqasid al-Shariah. Maqasid al-Shariah, being considered the articulation of Islam's ethical principles with due consideration of the consequences of acts, should shape Islamic finance operations. Accordingly, IFIs should promote financial literacy, product transparency, customer-centric sales incentives and sustainability instead of focusing mainly on credit and market risks. It is expected that financial literacy will help customers to voice ESG-related expectations and thereby the demand side will contribute to the development of ESG in IFIs.

Besides that, all stakeholders in Islamic finance need to work hand-in-hand to comprehend the theoretical foundations and conceptual issues relating to ESG in line with Maqasid al-Shariah. This can be done by incorporating relevant ESG-related expectations and facilitating innovation in the decision-making process in IFIs. Hence, there is a need for integrated efforts at various levels, namely institutions, regulators, and standard setters. The awareness program and invest in education can play a supportive role in propagating Islamic finance innovation and ESG literacy. Hence, R&D in Islamic finance should be intensified so that the theoretical framework and public policy dimensions of ESG and innovation can be clearly identified. It is hoped that sustainable growth of the Islamic finance industry in a strategic manner can be ensured in realising the Maqasid al-Shariah of preservation of benefit (Maslahah) and prevention of evil (Mafasadah).

"Surely, every one of you is a shepherd and every one of you is responsible for his flock" Islamic finance is not a choice. It is a way forward. #YnotIF.

#### References

- A Regional Cooperation in Islamic Finance: Infra-financing and Wealth Management. ASEAN Capital Market CEO Summit, Kuala Lumpur. 12 February 2015. [www.mifc.com](http://www.mifc.com).
- ASEAN Capital Market CEO Summit, Country Breakout Session: Malaysia, the Centre of Islamic Capital Market. Bursa Malaysia Islamic Market. 12 February 2015. [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com).
- Facilitating Innovation in the Islamic Capital Market, Keynote Speech by YBhg Dato Dr Nik Ramlah Mahmood Deputy Chief Executive, Securities Commission Malaysia. IFN Asia Forum 2015. 26 May 2015.
- Islamic Finance and Maqasid al-Shari'ah: Environmental, Social and Governance (ESG) Issues.
- The Kuala Lumpur Strategic Roundtable Discussion Resolution 2015 (The KL SRD Resolution 2015). Slides and resolutions. 5<sup>th</sup> ISRA-IRTI-Durham University SRD 2015. <http://www.isra.my/srd/415-5th-isra-irti-durham-university-srd-2015.html>.
- Strong support for Islamic finance expansion in South East Asia. MIFC Insight Report – SEA Economies Expand Islamic Finance. 28 January 2015. [www.mifc.com](http://www.mifc.com).
- Abdelsalam, O., Duygun, M., Matallín-Sáez, J.C. & Tortosa-Ausina, E. (2014). Do ethics imply persistence? The case of Islamic and socially responsible funds." *Journal of Banking & Finance*, 40, 182-194.
- Abdelsalam, O., Fethi, M.D, Matallín, J.C. & Tortosa-Ausina, E. (2014). "On the comparative performance of socially responsible and Islamic mutual funds." *Journal of Economic Behavior & Organization*, 103, 108-128.
- Farooq, M. & Zaheer, S. (2015). "Are Islamic banks more resilient during financial panics?" IMF Working Paper.
- Haneef, R. (2015). "Has Islamic finance bridged the disconnect with the real economy?" 5<sup>th</sup> ISRA-IRTI-Durham University Strategic Roundtable Discussion (SRD) 2015.
- Islamic Financial Services Industry Stability Report 2015. Published by Islamic Financial Services Board (IFSB), Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur. May 2015.
- Mohamad, S. (2014). "Is Islamic finance, social finance?" *Journal of Emerging Economies and Islamic Research*, 2(2).
- World Islamic Banking Competitiveness Report 2014-15.



## Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit

Sempena Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia 2015 pada 23 April, Perpustakaan UniSZA telah menganjurkan Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit atau *Let's Read Together*. Program ini dijalankan selama sepuluh minit pada jam 10.00 – 10.10 pagi yang melibatkan penyertaan lebih 300 orang. Ini termasuk mahasiswa UniSZA yang turut sama memeriahkan program sambutan kali ini.

Program ini dianjurkan untuk menyemai dan menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan seluruh rakyat Malaysia. Selain itu, ia juga bertujuan memartabatkan kedudukan buku sebagai sumber pengetahuan utama. Walaupun teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) berkembang pesat tetapi buku sebagai wadah untuk membina peradaban dunia tetap kekal dan tidak berubah.



Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia adalah resolusi daripada persidangan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 15 Nov 1995 yang mengisytiharkan 23 April sebagai Hari Buku.





## Pasukan ERT Raih Kejuaraan Berganda Pertandingan Kawad Kebombaan 2015

Pasukan Emergency Response Team (ERT) Jabatan Keselamatan UniSZA telah menyertai Pertandingan Kawad Kebombaan yang diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang sempena Kempen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan USM 2015 bermula 20 – 21 Mac 2015 dan di Mydin Mall Gong Badak Kuala Terengganu sempena Hari Anggota Bomba Sedunia pada 14 Mei 2015.

Dalam pertandingan di USM, Pasukan ERT UniSZA telah menghantar dua pasukan yang terdiri daripada pasukan A dan Pasukan B yang turut disertai oleh Universiti Sains Malaysia (USM), Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Universiti Malaya (UM). Di perkarangan Mydin Mall Gong Badak pula, pasukan ERT UniSZA menghantar empat pasukan untuk empat kategori yang dipertandingkan yang turut disertai oleh enam pasukan lain yang terdiri daripada hotel, kilang, badan berkanun dan kerajaan negeri.

Pada peringkat akhir pertandingan di USM, Pasukan ERT UniSZA telah dinobatkan sebagai johan dengan melakukan catatan masa terbaik iaitu 56 saat. Catatan masa tersebut tidak pernah dilakukan oleh mana-mana pasukan yang bertanding sebelum ini. Dalam pertandingan di Mydin Mall Gong Badak, Pasukan ERT UniSZA telah mendapat tempat pertama bagi kategori individu lelaki dan tempat kedua serta ketiga bagi kategori individu wanita. Dalam acara berpasukan pula, Pasukan ERT UniSZA mendapat tempat kedua dan ketiga.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang di USM telah disempurnakan oleh Naib Canselor USM, Prof. Dato' Dr. Omar Osman, manakala majlis penyampaian hadiah kepada pemenang di Mydin Mall Gong Badak pula disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu, Yang Setia PPjB Md. Salleh Sarbini.



## ‘Jom Ganyang Aedes’ UniSZA Mengorak Langkah Mencapai Universiti Bebas Aedes

Kajian yang menggunakan pendekatan moden *Geographical Reconnaissance* (GR) bertujuan untuk menentukan taburan spatial ancaman denggi bagi memulakan penubuhan kontemporari kawalan penyakit berjangkit, pengawasan dan penyingkiran (CSE), untuk menilai tahap kesedaran, sikap dan amalan. Kajian ini juga bertujuan untuk menentukan faktor-faktor yang berkaitan dengan amalan pencegahan dalam kampus UniSZA. Selain itu, penglibatan faktor alam sekitar seperti suhu, kelembapan udara, taburan hujan dan lain-lain turut diambil kira sebagai rujukan yang penting bagi mengenal pasti faktor perubahan densiti nyamuk di kawasan kampus.

Bancian densiti nyamuk dijalankan pada bulan Jun 2015 dan akan dijalankan pada September 2015, Disember 2015 dan Mac 2016 bagi mendapatkan maklumat data populasi dan jenis nyamuk dengan menggunakan alat perangkap nyamuk khas yang dipasang sekitar kampus Gong Badak. Jenis nyamuk yang dijangka termasuk dalam densiti ialah *Culex*, *Anopheles*, *Mansonia* dan *Aedes*.

Jangkaan hasil penyelidikan ini akan membuktikan bahawa pendekatan moden GR dapat digunakan sebagai sistem pemantauan dan kawalan penyakit bawaan vektor. Di samping itu, penyelidikan ini menilai keberkesanan Program Kawalan Penyakit Bawaan Vektor yang boleh dijalankan melalui inovasi GR dan pemetaan moden serta digabungkan dengan teknologi *Personal Digital Assistant* (PDA) dan *Global Positioning System* (GPS) yang dapat menyumbang kepada keberkesanan kawalan penyakit denggi di Malaysia.

UniSZA melalui Institut Pembangunan Komuniti dan Kualiti Hidup (i-CODE) telah melancarkan kajian mengenai Pembancian Densiti Nyamuk yang dijalankan di kawasan universiti. Kawasan kajian di dalam universiti telah dijalankan melibatkan 20 titik panas di Kampus Gong Badak. Objektif kajian ini dijalankan bagi menyahut polisi kerajaan untuk menjadikan universiti sebagai kawasan bebas Aedes.



## Mantech Mengharumkan Nama UniSZA

Kumpulan Mantech telah mengharumkan nama UniSZA apabila memenangi tempat kedua Kategori Teknikal dalam Konvensyen KIK Peringkat IPTA Kali Ke-11 yang berlangsung di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 14-16 April 2015.

Kumpulan Mantech yang diwakili oleh Puan Puspa A. Rashid selaku fasilitator kumpulan bersama-sama ahlinya iaitu Prof. Madya Dr. Saiful Bahri Mohamed, Mohd Rahaizad Md. Rejab, Mohd Rizal Abd. Ghani, Mohd Firdaus Mansor, Aziz Jusoh, Mohd Zulkifli Mustafa, Muhamad Solihin Jasmi, Ahmad Hanapiah Abdullah dan Muhamad Shairazi Taufik telah membentangkan hasil produk mereka iaitu *Goat Restrain Table (GR-Table)*. Produk ini direka khas untuk memudahkan dan menjimatkan masa proses pengendalian kambing untuk kerja amali khasnya bagi pelajar Fakulti Biosumber dan Teknologi Makanan UniSZA sebagai syarat bergraduasi.



*GR-Table* telah diilhamkan daripada ‘drafting table’ dan bersaiz 30” x 48” x 48” yang dibina daripada bahan keluli tahan karat. Keunikan produk ini adalah ia lebih ergonomik, mudah disimpan, serba guna dan tahan lebih lama. Selain menjimatkan masa, ia juga dapat mengurangkan pergerakan

dan peralihan kambing dalam setiap sesi kerja amali itu bahkan ia telah mendapat pengiktirafan dari Jabatan Veterinar Negeri Terengganu. Di samping itu, kumpulan Mantech telah mendapat Anugerah Penarafan Emas.

## UniSZA Johan Pertandingan Debat Teknologi Kejuruteraan 2015

UniSZA terus gemilang dalam arena perdebatan universiti dengan mengekalkan reputasi memiliki pendebat unggul apabila muncul sebagai Johan Pertandingan Debat Teknologi Kejuruteraan 2015 selepas menewaskan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada saingan akhir di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Pertandingan ini menyaksikan perdebatan sengit di antara 12 pasukan yang mewakili UMP, UniSZA, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Management and Science University (MSU), USIM dan lain-lain.

Dalam saingan akhir itu, UniSZA bertindak sebagai ‘Kerajaan’ manakala USIM sebagai ‘Pembangkang’ mendebatkan usul yang bertajuk Sudah



Tiba Masanya Stesen Minyak Digantikan Dengan Stesen Pengecas Kereta Elektrik. Kemenangan itu membolehkan pasukan UniSZA yang diwakili oleh Siti Nurhayatun Ali, Siti Suraya Sani, Muhammad Ammar Rafiq Ruslan, dan Muhammad Azrul Musa membawa pulang piala pusingan dan wang tunai berjumlah RM2,000.



## 30 Ribu Kunjungi Jualan Buku *Big Bad Wolf*

UniSZA telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Big Bad Wolf Books Sdn. Bhd. untuk menjadikan pesta buku *The Big Bad Wolf Book Sale* sebagai acara tahunan universiti.

Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim berkata dengan penganjuran pesta buku terbesar di Pantai Timur ini, ia dapat menyemai serta meningkatkan minat membaca dalam kalangan mahasiswa dan komuniti setempat secara umumnya.

“Program ini juga merupakan satu daripada usaha mendekatkan UniSZA dengan komuniti luar,” katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani MoU. Beliau menandatangani MoU itu bagi pihak UniSZA manakala Big Bad Wolf Sdn. Bhd. diwakili Pengarah Urusannya, Encik Andrew Yap.



Pesta buku selama enam hari ini telah dianjurkan pada 6–11 Mei 2015 dan telah menjual lebih 700,000 judul buku tempatan dan antarabangsa pada harga serendah RM3.00 selain potongan harga antara 75 hingga 95 peratus bagi buku tertentu.

Lebih 30,000 orang mengunjungi pesta buku ini. Encik Andrew Yap berkata beliau menyokong penuh usaha UniSZA menganjurkan pesta buku itu dan berharap ia dapat membantu minat membaca bahan-bahan bahasa Inggeris dalam kalangan masyarakat pantai timur.

## UniSZA Terus Gah di ITEX 2015

Penyertaan UniSZA dalam 26th International Invention & Innovation Exhibition (ITEX) 2015 terus membawa hasil yang membanggakan. Pameran yang berlangsung pada 21 - 23 Mei 2015 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur ini telah berjaya memartabatkan nama UniSZA apabila kesemua penyertaan UniSZA berjaya memenangi pingat. Sebanyak empat pingat emas dan enam pingat perak telah berjaya diraih oleh penyelidik UniSZA dalam pameran ini.

Pameran yang berlangsung selama tiga hari ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan II, Encik P. Kamalanathan P. Panchanathan. Turut hadir pada pameran ini adalah Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim yang diiringi oleh Timbalan Naib Canselor UniSZA (Penyelidikan dan Pembangunan), Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman serta pengunjung yang terdiri daripada pelawat industri, wakil institusi berkaitan serta pelajar universiti dan sekolah. Kehadiran Naib Canselor UniSZA yang memberi sokongan telah menyemarakkan semangat penyelidik UniSZA untuk memberikan komitmen yang terbaik dan terus berjaya pada masa hadapan.

Pameran yang dianjurkan oleh Malaysian Invention & Design Society (MINDS) dan C.I.S Network Sdn. Bhd. ini amat penting kerana ia membuka peluang kepada para pencipta untuk berkolaborasi dan saling

bertukar idea bagi penyelidikan dan inovasi yang akan dilaksanakan pada masa hadapan. Menurut Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman, usaha penyelidikan dan inovasi akan terus dipergiatkan bagi meningkatkan jumlah produk inovasi yang bermutu serta berpotensi untuk dikomersialkan pada masa hadapan. Usaha ini dapat direalisasikan dengan pengenalan geran Pre-Comm yang dapat membantu penyelidik mengkomersialkan produk inovasi mereka.

Pemenang pingat emas UniSZA ialah Dr. Syadiah Nor Wan Shamsuddin dari Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) yang mempertaruhkan produk i-Dyslex iaitu perisian komputer yang dapat mengesan penyakit disleksia dalam kalangan kanak-kanak. Pemenang pingat emas yang seterusnya ialah Puan Norkhairani Abdul Rawi juga dari FIK yang mempertandingkan produk FIQIR Road Safety, iaitu perisian komputer yang mendidik murid-murid sekolah rendah mengenai keselamatan jalan raya. Turut memenangi pingat emas ialah Dr. Syarilla Iryani dari FIK yang mengenangkan produk Tajweed Race, permainan komputer yang mengajar hukum tajwid dalam bacaan al-Quran. Prof. Madya Dr. Mustafa Dakian dari Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan turut menyumbang pingat emas buat UniSZA menerusi produk Si Buncit, iaitu sebuah kisah yang dapat membantu golongan buta huruf dalam mengenal huruf al-Quran.





Pingat perak UniSZA diperoleh menerusi produk Aquaplant Crate iaitu hiasan dalaman rumah yang menerapkan unsur-unsur semula jadi rekaan Amirul Fahmi Razali, produk IMB: In Situ Microalgae Bio Harvesting Module iaitu sistem penuaian mikroalga yang dapat membantu industri akuakultur, produk Low Cost 3 Axis CNC Milling Machine iaitu mesin ukiran yang menggunakan bahan kitar semula sebagai komponen utama, produk Protorch iaitu beg galas yang mempunyai ciri-ciri keselamatan, produk LAFAMS: Account Management System for Small and Medium Sizes Legal Firm iaitu perisian komputer yang memantau aktiviti kewangan firma guaman, dan produk Course Learning Outcomes Performances Evaluation System (CLOPES) iaitu perisian komputer yang membantu pensyarah dalam penilaian pembelajaran kursus.

Bil.	Nama Penyelidik	Fakulti	Nama Produk	Pingat
1.	Dr. Syadiah Nor Wan Shamsuddin	FIK	i-Dyslex	Emas
2.	Norkhairani Abdul Rawi	FIK	FIQIR Road Safety	Emas
3.	Dr. Syarilla Iryani Ahmad Saany	FIK	Tajweed Race Online	Emas
4.	Prof. Madya Dr. Mustafa Dakian	FESP	Si Buncit	Emas
5.	Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd Ghadas	FLAIR	“LAFAMS” Account Management System for Small and Medium Sizes Legal Firm	Perak
6.	Prof. Madya Dr. Saiful Bahri Mohamed	FSTK	A Low Cost 3 Axis CNC Milling Machine	Perak
7.	Mohd Hosni Rifin	FSTK	Protorch	Perak
8.	Amirul Fahmi Razali	FSTK	Aquaplant Crate	Perak
9.	Prof. Madya Dr. Azizah Endut	ESERI	IMB: In-Situ Microalgae Bio-Harvesting Module	Perak
10.	Azwa Abdul Aziz	FIK	Course Learning Outcomes Performances Evaluation System (CLOPES)	Perak



## FIK Lebar Jaringan Bersama Industri

Seiring dengan matlamat fakulti untuk memperkasa penyelidikan dan pembangunan agar terus selari dengan visi dan misi universiti, Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan Program Bersama Industri: Melestari Penyelidikan dan Pembangunan.

Sehubungan dengan itu, pada 26 Mei 2015 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama FIK, jawatankuasa penyelidikan dan pembangunan telah menganjurkan program berkenaan yang telah disertai oleh semua kakitangan akademik FIK. Pihak FIK juga telah menjemput



dua orang penceramah yang pakar dalam bidang keselamatan komputer iaitu Dr. Solahuddin Shamsuddin dari *Cybersecurity Malaysia* dan Encik Kamal Hilmi Othman dari GCLOGIX SDN BHD.

Matlamat utama program ini diadakan adalah untuk berkongsi pengalaman, membincangkan peluang penyelidikan dan mewujudkan jaringan industri. Selain itu, program ini juga merapatkan jurang antara universiti dengan

industri agar produk yang dihasilkan oleh fakulti dapat memenuhi kehendak pasaran.

Penganjuran program sebegini dilihat sebagai salah satu medium yang baik untuk meningkatkan produktiviti FIK. Selain itu, FIK juga dapat melebarkan jaringan industri dalam usaha untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan inovasi serta memantapkan pencapaian prestasi dalam penyelidikan dan pembangunan.

## Occupational Risk Assessment at TD Poultry Cendering Kuala Terengganu

On April 11, 2015, Prof. Madya Dr. Azmi Hassan, Director, Institute for Community Development and Quality of Life (i-CODE) paid a one-day visit to TD poultry Sdn. Bhd. located in Cendering Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia. The aim of the visit was to investigate the possible Occupational and Public Health hazards due to noncompliance with meat processing and waste disposal laws in Terengganu abattoirs. The information gathered would benefit research conducted by i-CODE graduate students.

TD Poultry Sdn. Bhd. known as private chicken processing plant established in 1997 by Chief Faiz Ahmad. All 64 workers in the factory are Muslim, categorised into different departments.

The major item, broiler chickens, are processed when they attained a market weight of 2.0 to 2.4 kg. The chickens are brought from the farm to the receiving unit within the TD poultry factory. In the factory there are four different sections: receiving and slaughtering, evisceration, cutting and deboning. All the processing activities are done in accordance with the *halal* method. Within the factory, all workers are provided with personal protective equipment such as face mask, apron, boots, and hand gloves to name a few.

Based on observation and personal interviews with the workers, it was found that the major occupational hazards encountered at work were cuts from injuries with knives, and

inhalation of chlorine. The general environmental sanitation was not up to standard, which could possibly serve as a medium for transmission of certain pathogenic microorganisms and airborne diseases to the general public.

Recommendations were made to improve the general environmental sanitation within and outside the factory premises as well as to strictly adhere to the rules and regulations set up by the Malaysian Ministry of Agriculture and Ministry of Health.



# Forum Perdana Ehwal Islam Sempena Pelancaran UniSZA Universiti Komuniti

Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE) dengan kerjasama Radio Televisyen Malaysia (RTM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Bank Rakyat, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Quinara Al-Safir menganjurkan Forum Perdana Ehwal Islam sempena Pelancaran UniSZA Universiti Komuniti. Program ini diadakan di UniSZA Kampus Gong Badak pada 7 Mei 2015.

Felo Utama INSPIRE, Prof. Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah merupakan moderator forum tersebut. Forum telah dijayakan oleh panel yang dijemput iaitu Dato' Badlishah Alauddin, Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh dan Ustaz Abdul Halim Awang.

Forum telah membincangkan cara dan kebaikan dalam melahirkan generasi yang cemerlang dalam pelbagai aspek termasuk kekuatan kerohanian di samping keperibadian modal insan lain yang mapan. Ahli panel juga menekankan cara dan kaedah



mendidik anak supaya menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara berlandaskan ibu bapa sebagai ikutan teladan yang paling hampir dengan mereka.

Sesi soal jawab antara hadirin dengan panel juga berlangsung secara santai, lebih-lebih lagi diselit

dengan ungkapan-ungkapan dalam dialek Terengganu. Hadir sama pada malam tersebut ialah Ahli Lembaga Pengurusan Universiti, Tuan Haji Mohammad Sahar Mat Din, Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (TNC P&P), Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman, TNC HEPA, Prof. Dr. Nik Wan Omar, ahli-ahli pengurusan kanan universiti, dif-dif kehormat, para pelajar serta komuniti tempatan.

INSPIRE juga diperkenalkan kepada komuniti melalui pameran yang dibuka sepanjang tiga hari berlangsungnya program. Antara bahan yang dipamerkan ialah bidang pengajian yang ditawarkan, bidang kepakaran, aktiviti-aktiviti akademik dan penyelidikan yang telah dan sedang dijalankan. Kebanyakan pengunjung yang hadir adalah generasi muda yang berminat untuk melanjutkan pengajian di peringkat sivitas akademika serta para pelajar sekolah yang ingin meneroka potensi di universiti.





## Warisan Seni Kraf Malaysia di Perpustakaan Unisza

Malaysia kaya dengan khazanah seni yang tidak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Seharusnya, khazanah ini perlu terus dipertahankan supaya generasi akan datang dapat mengenali serta menyayangi warisan tinggalan nenek moyang. Justeru, Perpustakaan UniSZA mengambil pendekatan untuk mengadakan pameran Seni Kraftangan yang berlangsung pada 11-13 Mei 2015.

Pameran yang berlangsung di Atrium Perpustakaan UniSZA ini merupakan suatu peluang yang dapat dimanfaatkan oleh seluruh warga UniSZA dalam usaha untuk mengenali serta memahami seni warisan kraftangan yang sangat bernilai. Pameran selama tiga hari ini mengetengahkan pelbagai maklumat daripada pelbagai jenis seni kraftangan. Antaranya tembikar, barang tembaga, ukiran dan anyaman. Turut dipamerkan adalah pelbagai hasil produk kraf tangan tempatan seperti produk tembaga,



ukiran kayu, batik dan hasil anyaman yang amat menarik. Produk-produk ini turut dibuka untuk jualan dan boleh dimiliki dengan harga yang berpatutan.

Pameran ini adalah cetusan usaha dua pelajar latihan industri perpustakaan iaitu Fatin Nasuha Zainal Abidin dan

Azwani Yaacob yang turut mendapat kerjasama daripada Perbadanan Kraftangan Terengganu. Selain pameran dan jualan, aktiviti sampingan lain turut diadakan seperti soal jawab, ‘teka jumlah kertas’ dan ‘kotak beracun’.





## Pasar Minggu / Pasar Tani UCTC Latih Pelajar



Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Pelajar (PKKP) dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Persatuan Peniaga-peniaga Melayu Pasar Malam Daerah Kuala Terengganu telah mengadakan Majlis Pelancaran Pasar Minggu dan Pasar Tani Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), UniSZA Kampus Gong Badak pada 16 Mac 2015.

Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim yang turut membuat lawatan ke tapak diiringi oleh TNC HEPA, Prof. Dr. Nik Wan Omar, Pengarah PKKP, Dr. Jamalludin Helmi Hashim, wakil dari FAMA dan wakil Persatuan Peniaga-peniaga Melayu Pasar Malam Daerah Kuala Terengganu.

Menurut Prof. Datuk Dr. Yahaya berkata, program ini adalah cetusan idea dari Pusat Keusahawanan Pelajar

UniSZA untuk menarik peniaga dari luar untuk bermula. Program ini memberi peluang kepada pelajar UniSZA untuk membuka gerai jualan iaitu sepuluh petak bagi melatih mereka untuk bermula. Pasar minggu ini turut

terbuka kepada masyarakat setempat untuk datang membeli barang. Sementara itu, Setiausaha Persatuan Peniaga Pasar Malam, Asmawi Mat Noor, berkata beliau sangat bersyukur dan berterima kasih kepada pihak UniSZA yang memberi peluang kepada peniaga untuk bermula di kawasan kampus. Dengan tapak pasar yang tidak cukup buat masa ini untuk menampung bilangan peniaga, tawaran dari pihak UniSZA ini telah memberi satu impak yang positif kepada mereka. Malah, permintaan untuk bermula juga tinggi dengan tapak yang terhad membuatkan pihak mereka mengutamakan peniaga yang lebih layak dan sesuai untuk bermula selain kadar sewa yang sangat murah.

Pasar Minggu dan Pasar Tani UCTC UniSZA ini telah disertai oleh 123 peniaga pasar minggu dan 28 peniaga dari pasar tani.





## Perpustakaan UniSZA Tuan Rumah Bengkel OCLC Connexion 2015

Perpustakaan UniSZA telah menerima kedatangan lebih 30 orang peserta dari seluruh pantai timur pada 11-12 Mei 2015 apabila terpilih menjadi tuan rumah dan bekerjasama untuk mengadakan Bengkel OCLC Connexion 2015 Peringkat Zon Timur anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan NM13 Sdn. Bhd.. Bengkel ini turut mendapat sokongan daripada Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Timur (PPMT). Bengkel yang diadakan selama dua hari ini bertujuan untuk memberi pendedahan serta kefahaman kepada para peserta mengenai pangkalan data OCLC Connexion yang boleh diaplikasikan dalam menjalankan kerja-kerja pendokumentasian bahan perpustakaan.

OCLC adalah singkatan kepada *Online Computer Library Center* (OCLC), bukan perkara asing dalam kalangan pustakawan serta mereka yang terlibat dalam dunia perpustakaan dan maklumat. Ia merupakan sebuah perkhidmatan dan penyelidikan perpustakaan berlandaskan keahlian yang bertumpu kepada matlamat awam bagi meningkatkan capaian serta akses maklumat dunia dan mengurangkan kos maklumat. Bengkel ini telah dikendalikan oleh dua orang penceramah jemputan dari PNM iaitu Puan Zuraidah Mohammed dan Cik Marsila Ahmad. Bengkel ini telah berlangsung di Auditorium Perpustakaan, UniSZA.

Menurut Puan Zuraidah Mohamed, OCLC Connexion telah digunakan oleh 72,000 perpustakaan di seluruh dunia sebagai alat bantuan pengkatalogan. Untuk itu, PNM telah melanggar pangkalan data OCLC



Connexion ini bagi menyediakan platform khusus kepada pustakawan dalam proses pendokumentasian bahan perpustakaan melalui *copy cataloguing*. Ini juga mampu membantu para pustakawan untuk menjalankan kerja pendokumentasian bahan dengan lebih cepat dan efektif. Melalui OCLC Connexion, ahli perpustakaan boleh menyumbang dan mendapatkan rekod (import dan eksport) yang berkualiti daripada satu sumber yang berautoriti iaitu 'Worldcat' yang diterajui OCLC. PNM telah memberi laluan pengaksesan OCLC Connexion ini kepada pelbagai agensi dan institusi kerajaan meliputi hampir semua Universiti Awam (UA) termasuk UniSZA.

Selain itu, bengkel ini juga dapat mewujudkan serta mengukuhkan rangkaian antara perpustakaan dan mampu menjana idea-idea baharu antara peserta bengkel.

## Klinik Agama FKI Tarik Pengunjung

Sempena dengan Karnival UniSZA Universiti Komuniti pada 7-9 Mei 2015, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) telah diberi peluang untuk membuka sebuah reruai bagi komuniti yang telah disempurnakan perasmianya oleh Menteri Besar Terengganu. Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah klinik akidah, *faraid* dan isu rumah tangga menurut Islam. Klinik-klinik ini bertujuan untuk menjawab pertanyaan dan menyelesaikan masalah yang ada pada komuniti dalam perkara-berkara berkaitan dengan akidah, *faraid* dan rumah tangga.

Selain itu, reruai FKI juga mengadakan tutorial memakai serban bagi lelaki manakala bagi wanita pula tutorial

memakai selendang. Aktiviti ini telah dijalankan pada hari kedua karnival iaitu pada hari Jumaat. Ia bertujuan memberi pemahaman kepada komuniti tentang teknik-teknik memakai selendang yang betul dan menepati syariat. Aktiviti ini memberi peluang kepada komuniti untuk sama-sama mencuba memakai selendang bagi wanita dan memakai serban bagi lelaki.

Seterusnya, reruai FKI ini juga telah menyajikan persembahan *flashmob* bertajuk Keamanan yang telah diketuai oleh saudara Muhammad Raimi Zolkiply mahasiswa program Diploma Sejarah dan Tamadun Islam (SEJATI) dan Diploma Bahasa dan Kesusastraan Arab (BAHTERA). *Flashmob* ini berkaitan dengan saudara

seagama di negara-negara yang sedang bergolak seperti Palestin, Syria, Pakistan dan lain-lain lagi.

Di samping itu, pihak FKI juga menjual buku-buku karya pensyarah-pensyarah dari fakulti ini. Antara buku yang dijual di reruai FKI ialah 'Aku Nikah Akan Dikau', *Tarikat At-Tijaniyyah* dan 'Sirah Bulan-bulan Hijrah'. Karnival komuniti ini telah berjalan dengan lancar dan patut diteruskan pada masa-masa akan datang. Pihak fakulti berharap dengan adanya aktiviti-aktiviti seperti ini dapat membantu komuniti di sekitar Terengganu dalam menyelesaikan masalah dan menambah ilmu pengetahuan demi faedah insan sejagat.



## Sifar Sampah Pasar Komuniti di UniSZA

Pada 25 Mac 2015, telah diadakan satu mesyuarat koordinasi dan penyelarasan bidang kajian secara kerjasama antara Solid Waste and Public Cleansing Management Corporation (SWCorp) dengan UniSZA.

Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dilihat sebagai faktor yang penting dalam merealisasikan hasrat tersebut. Ia perlu giat dijalankan supaya suatu kaedah teknologi yang lestari dapat dihasilkan dalam pengendalian sisa pepejal dan pemuliharaan alam sekitar.

Di samping itu, perkongsian teknologi terkini, pemindahan ilmu serta teknologi antara universiti dan masyarakat merupakan perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak.

Sehubungan itu, satu Majlis Perasmian Pelancaran Sifar Sampah Pasar Komuniti UniSZA antara *Solid Waste and Public Cleansing Management Corporation* (SWCorp) dengan UniSZA telah diadakan pada 13 April 2015 bertempat di Taman Usahawan Muda Pelajar UniSZA (TUMPU) bagi mewujudkan suatu platform untuk mengetengahkan kepakaran dan bidang kerjasama yang sesuai untuk dijalankan.

Majlis ini dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan), Prof. Dr. Mohd



Ekhwan Toriman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp., Datuk Zainul Abidin Abdullah, Timbalan Pengarah Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Pelajar (PKKP), Dr. Roslan Ahmad, wakil-wakil SWCorp., Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ), Ahli Jawatankuasa Persatuan Pasar Malam, Encik Che Rahim Che Harun dan wakil-wakil peniaga.

Program sifar sampah ini dapat mewujudkan skop kajian sisa pepejal yang lebih intensif merangkumi keseluruhan proses bermula daripada

aspek asas ke arah penyelesaian sisa pepejal yang praktikal. Program ini bertujuan memastikan penyelesaian yang berkesan daripada aliran sisa domestik tempatan boleh menjadi model peranan untuk aplikasi di dalam negara dan mungkin dalam skala kawasan yang lebih luas serta menjalin kerjasama yang strategik dengan universiti dalam menjalankan penyelidikan dan kajian bagi memelihara kebersihan alam sekitar dan menjadikan kebersihan sebagai budaya hidup masyarakat melalui pendidikan terhadap kesedaran awam di kampus.

Program seperti ini mampu mewujudkan kesedaran kepada semua warga UniSZA untuk menjaga kebersihan alam sekitar seterusnya dapat menjadikan kebersihan sebagai budaya hidup masyarakat melalui pendidikan terhadap kesedaran awam di kampus.

## Kem Bestari Solat, SMK Sungai Tong

Seramai 31 orang fasilitator dari kalangan ahli Kepimpinan Persatuan Pentadbiran Islam dan Syariah (PERISYA) UniSZA sesi 2014/15 telah menjalankan Kem Bestari Solat bersama para pelajar di SMK Sungai Tong, Setiu pada 17-18 April 2015. Semua peserta yang menyertai program ini adalah pelajar yang tinggal di asrama melibatkan seramai 250 orang pelajar dari tingkatan satu hingga tingkatan enam.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan bagi memperbetulkan serta memantapkan

tatacara dan bacaan solat setiap peserta program. Kem Bestari Solat yang membawa moto 'Solat Melahirkan Insan Dinamik' ini memberi penekanan kepada peserta mengenai kewajipan menunaikan solat dengan cara yang telah ditetapkan di samping memberi pendedahan kepada mereka untuk terus beristiqamah dalam menunaikan perintah Allah s.w.t.. Kem ini diserikan dengan pengisian ceramah oleh dua orang pensyarah daripada Pusat Pengajaran Syariah, iaitu Prof. Madya Dr. Basri Ibrahim dan Dr. Hasanuldin Muhammad.

Selain itu, aktiviti *qiamullail* juga telah dijalankan bersama para peserta bagi memantapkan lagi jiwa mereka apabila menunaikan ibadah secara berjemaah pada waktu awal pagi. Aktiviti riadah pula dilakukan bagi memantapkan fizikal para peserta di samping merapatkan silaturrahim sesama peserta. Komitmen dan respon yang diberikan oleh para peserta dan guru memudahkan lagi aktiviti kem solat ini dijalankan.



## Kembara Ilmu Tokyo University of Foreign Studies



Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) telah menerima seramai 12 orang pelajar Jepun dari Tokyo University of Foreign Studies bagi Program Kembara Ilmu. Program Kembara Ilmu ini merupakan program anak dan keluarga angkat Jepun yang bermatlamat untuk memperkenalkan Islam dan budaya orang Melayu. Program yang berlangsung pada 13-17 Mac 2015 dapat membantu para pelajar mempelajari cara bertutur dalam bahasa Melayu selain mendalami adat resam dan kepercayaan orang Melayu. Para pelajar ini telah ditempatkan di

rumah keluarga angkat masing-masing untuk merasai kehidupan sebenar orang Melayu.

Antara aktiviti yang dijalankan bersama adalah seperti belajar mencanting batik di Nur Arfa Batik, mengenali Taman Tamadun Islam Terengganu yang menghimpunkan monumen, masjid dan seni bina Islam dan menikmati keindahan Pulau Perhentian. Kelas belajar bahasa Jepun turut diadakan di kampus UniSZA selain lawatan sekitar kampus dan penganjuran permainan sukan rakyat.

Bagi meneruskan kerjasama yang telah terjalin, program ini akan dijadikan acara tahunan bagi kedua-dua buah universiti. Jalinan kerjasama ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara dua buah universiti ini pada masa akan datang terutamanya dari segi pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta program pertukaran pelajar.





## Bicara antara Benua 'SK Kemasek... A Worldwide Moment With UniSZA'

Pada 4 April, program bual bicara berbahasa Inggeris telah dijalankan di Auditorium, Perpustakaan UniSZA dengan mengundang beberapa orang ahli panel yang datang dari pelbagai negara. Bicara antara Benua bersama pelajar antarabangsa UniSZA merupakan program pengantarabangsaan Pusat Sumber Sekolah-Sekolah negeri Terengganu. Program ini dianjurkan oleh UniSZA dengan kerjasama Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu (BTPNT) dan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT).

Program bertajuk 'SK Kemasek... Worldwide Moment With UniSZA' mengetengahkan panel yang mewakili empat buah negara iaitu Encik Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee (Kanada) selaku moderator, Cik Najaat Nasir, Encik Sani Garba D-Iya (Kano, Nigeria), Encik Kazuki Iseno (Jepun), Encik Azman Othman @ Abdullah (Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu) dan juga beberapa orang guru dan pelajar Sekolah Kebangsaan Kemasek yang mewakili Malaysia.



Program yang dijalankan selama sejam ini amat menarik memandangkan ahli panelnya terdiri daripada pelbagai latar belakang yang berbeza budaya dan bahasa.

Program ini turut dihadiri oleh lebih 50 orang peserta melibatkan para guru dan pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot, Sekolah Kebangsaan Kompleks

Gong Badak dan juga beberapa orang wakil dari Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu. Turut hadir sama dalam program ini ialah Puan Rohani Othman, Ketua Pustakawan, Perpustakaan UniSZA dan juga para pustakawan serta staf Perpustakaan UniSZA.





## Liga Bola Sepak Liga IPT 2015

Liga Bola Sepak IPT 2015 yang dianjurkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dan diuruskan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM). UniSZA merupakan pasukan bola sepak dalam liga divisyen satu bersama tujuh pasukan lain dalam liga bola sepak liga IPT 2015. Antara pasukan yang berada di liga divisyen satu adalah UiTM Perlis, Politeknik Kota Bharu (PKB), UiTM Shah Alam, Kolej Komuniti Kedah (KK Kedah), Kolej Komuniti Pahang (KK Pahang) serta Multimedia Universiti (MMU).

Perlawanan pertama pasukan UniSZA berlangsung pada 7 Mac bertemu UiTM di Stadium UiTM, Shah Alam dengan keputusan seri, 0-0. Perlawanan kedua UniSZA yang bertemu UiTM, menyaksikan kemenangan 2-0. Pasukan bola sepak UniSZA terus melangkah dengan bergaya apabila menang ke atas MMU, 0-3 di Stadium MMU pada 21 Mac 2015.



Pasukan bola sepak KK Kedah turut menjadi sandaran kekalahan terhadap pasukan tuan rumah, UniSZA, di Kompleks Sukan Gong Badak apabila menang 4-2. Persaingan sengit antara pasukan bola sepak UniSZA bertemu KK Kedah telah memihak kepada UniSZA. Setelah beberapa minggu direhatkan tanpa sebarang perlawanan, pasukan bola sepak UniSZA kembali gah apabila berjaya memalukan pihak lawan, KK Pahang dengan jaringan 5-1 di Kompleks Sukan Gong Badak pada 4 April. Sekali lagi pasukan bola sepak UniSZA menumpaskan pihak lawan di laman sendiri, KK Kedah dengan 0-3 pada 5 Mei 2015.



Pada 9 Mei 2015, pasukan bola sepak UiTM telah bertandang di Kompleks Sukan Gong Badak, untuk membala dendam terhadap pasukan UniSZA. Namun begitu, dengan semangat serta kerjasama pasukan, UniSZA sekali lagi menewaskan UiTM di laman sendiri dengan jaringan 3-0. Sebanyak enam perlawanan pasukan bola sepak UniSZA telah berjaya menewaskan pihak lawan daripada tujuh perlawanan dan satu seri ketika ini. Kejayaan berturut-turut yang ditunjukkan oleh pasukan bola sepak UniSZA ini telah memberi semangat kepada setiap pemain untuk dijulang sebagai juara keseluruhan liga divisyen satu Liga Bola Sepak Liga IPT 2015.



## Kolej Kediaman UniSZA Juara Liga Futsal Antara PTj

Pasukan futsal pejabat Kolej Kediaman UniSZA (KKKGB) gah menjuarai Liga Futsal Antara PTj dan seterusnya menjulang Piala Pendaftar UniSZA 2015.

Pertandingan yang berlangsung pada 2 Mac - 7 April ini telah disertai oleh sebelas buah Pusat Tanggungjawab (PTj) UniSZA. Pertandingan ini menggunakan format liga yang memerlukan setiap pasukan untuk menentang kesemua pasukan bagi menentukan kejuaraan.

Perlawanan pertama liga menyaksikan KKKGB menewaskan Fakulti Seni Reka dan Teknologi Kreatif (FSRTK) dengan keputusan 5-1 dan UniSZA Holding Sdn. Bhd. (UHSB) FC 5-0 pada minggu pertama pertandingan. Pada minggu kedua, pasukan KKKGB semakin menunjukkan taring dengan menundukkan Flair FC dan JKS Star dengan keputusan jaringan yang sama iaitu 5-0.

Rekod cemerlang KKKGB diteruskan pada minggu ketiga dengan kemenangan besar ke atas pasukan HEPA FC dengan keputusan 8-0. Pada minggu keempat pula, KKKGB



menjinakkan Kejari FC dengan keputusan 7-1 dan PTM dengan keputusan 5-0, manakala pada minggu kelima, pendahulu liga iaitu Corporate Comm akhirnya ditewaskan oleh KKKGB dengan keputusan 3-0. KKKGB seterusnya membenam JPP FC dengan jaringan 5-1.

Perlawanan terakhir dan penutup pertandingan menyaksikan KKKGB berjaya membenam pasukan pilihan Registerar FC dengan jaringan 5-4 dan secara rasmi dinobatkan sebagai juara buat kali pertama. Kekuatan

mental menghadapi perang psikologi pihak lawan dan rekod tanpa kalah sepanjang kejohanan membuktikan kekuatan KKKGB dan bersedia untuk menghadapi mana-mana pasukan futsal PTj di UniSZA.

Hadiyah kejohanan telah disampaikan oleh Encik Mahammed Ismail. Juara Liga Futsal Antara PTj membawa pulang Piala Pendaftar, Piala Iringan dan hadiah wang tunai sebanyak RM700.

## Sekitar Penyertaan Atlet UniSZA dalam Kejohanan-Kejohanan Sukan

Kejohanan Pencak Silat Terbuka UPSI 2015 - Persekutuan Silat Perak dan Persekutuan Silat Kebangsaan (PESAKA) telah menganjurkan satu Kejohanan Pencak Silat Terbuka UPSI & Jemputan Antarabangsa keenam, 2015. Kejohanan ini telah berlangsung di Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak bermula pada 14-19 April 2015. Pasukan silat UniSZA telah menghantar seramai 15 orang atlet silat iaitu 13 orang atlet lelaki dan dua orang atlet wanita ke kejohanan ini dan diiringi seorang pengurus pasukan. UniSZA telah memperoleh kemenangan yang membanggakan dengan membawa pulang satu pingat perak dalam kelas D bagi kategori lelaki dan dua pingat gangsa masing-masing dalam kelas B dan Jurus Tunggal bagi kategori wanita. Secara keseluruhan, pasukan pencak silat UniSZA berjaya mengharumkan nama UniSZA dengan keputusan yang baik dalam kejohanan ini.

Kejohanan Liga Bola Jaring IPT 2015 - Pusat Sukan Universiti Malaya (UM) selaku Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) Bola Jaring telah mengadakan Kejohanan Liga Bola Jaring IPT 2015 yang bertempat di Pusat Sukan, UM, Kuala Lumpur pada 7-12 April. UniSZA telah menghantar satu pasukan bola jaring yang terdiri daripada 13 orang atlet bersama seorang pegawai pengiring. Pasukan bola jaring UniSZA telah berjaya melayakkan diri ke Kejohanan *Grand Final* dan berjaya mendapat tempat kelima dalam Kejohanan Liga Bola Jaring IPT



2015. Selaku pasukan kelima terbaik, UniSZA telah berjaya membawa pulang hadiah saguhati berjumlah RM200.

Kejohanan Memanah Sirkit Kebangsaan 1 2015 pula yang telah berlangsung pada 17-21 Mac 2015 baru-baru ini bertempat di Majlis Sukan Negeri Melaka, Melaka. Kejohanan ini melibatkan seramai sepuluh orang atlet UniSZA bersama seorang pengurus pasukan. Kehadiran atlet-atlet memanah dalam kejohanan ini adalah bertujuan sebagai persediaan dan latihan bagi menghadapi kejohanan akan datang. Dalam kejohanan kali ini, UniSZA telah memperoleh kemenangan yang membanggakan dengan membawa pulang dua emas dan satu gangsa.

Pingat emas telah disumbang oleh saudari Asiah dalam acara Recurve Berpasukan Wanita serta Recurve Wanita, manakala pingat gangsa pula disumbang oleh saudari Azuanis.

Kejohanan Rowing Kayak MASUM 2015 telah berlangsung di Kompleks Sukan Air Putrajaya, Presint 6, Putrajaya pada 6-11 April. Kejohanan ini melibatkan seramai 43 orang atlet UniSZA dan diiringi oleh dua orang pegawai pengiring. Dalam acara *rowing*, UniSZA telah mengambil bahagian dalam kesemua 12 acara yang dipertandingkan. Daripada 12 acara yang disertai, pasukan *rowing* UniSZA berjaya membawa pulang empat pingat; tiga emas dan satu gangsa dalam acara lelaki dan wanita. Johan keseluruhan bagi acara *rowing* kategori lelaki adalah pasukan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) manakala kategori wanita dimenangi oleh pasukan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Sementara itu, dalam acara kayak, UniSZA telah berjaya membawa pulang satu pingat emas, satu perak dan satu gangsa. Kemenangan yang dicapai pasukan kayak ini adalah melalui enam daripada lapan acara yang dipertandingkan. Secara keseluruhan, UniSZA merupakan universiti ketiga terbaik di Kejohanan MASUM *Rowing-Kayak* 2015.





## Pengurus Pasukan Terbaik MASUM 2014 milik UniSZA

Pada 4 April, telah berlangsung Majlis Anugerah Majlis Sukan Universiti Malaysia MASUM 2014 bertempat di Universiti Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor Bahru. Majlis ini melibatkan 12 orang atlet UniSZA serta empat pegawai pengiring. Anugerah MASUM 2014 ini melibatkan 20 buah universiti seluruh Malaysia. Majlis ini diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada atlet, jurulatih dan pegawai yang sentiasa berjuang dalam memartabatkan sukan dalam kalangan Universiti Awam (UA) di Malaysia.

Majlis Anugerah MASUM 2014 telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan II Malaysia, Encik P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan. UniSZA berjaya mencipta nama apabila menggondol dua anugerah di Majlis Anugerah MASUM iaitu anugerah Pengurus Pasukan Terbaik MASUM 2014 dan Jurulatih Terbaik MASUM 2014.

Pengurus Pasukan Terbaik MASUM 2014 berjaya dirangkul oleh Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi UniSZA, Encik Riduan Mohamed Arof. Antara kejayaan beliau adalah telah berjaya membawa pasukan memanah Malaysia ke *World University Championship* (WUC), Poland dengan membawa pulang satu pingat perak dalam acara Pasukan Compund Wanita. Jurulatih pasukan memanah UniSZA, Encik Nazrin Aizad Mat Nasir dinobatkan



sebagai Jurulatih Terbaik MASUM 2014.

Selain itu, dua atlet UniSZA turut tersenarai dalam barisan Atlet Terbaik Universiti. Mereka ialah saudara Amir Muhammad Zulfadhl Mohd Faizal, pelajar Fakulti Sains Kesihatan selaku

atlet boling padang dan saudari Azuanis Abdullah, pelajar Fakulti Informatik dan Komputeran yang merupakan atlet memanah. Seramai 40 orang yang dipilih oleh MASUM sebagai Atlet Terbaik Universiti di Majlis Anugerah MASUM 2014 kali ini.






# Sidang




# Editor



### Orang Asli: Pembangunan dan Transformasi

Penulis: Ramle Abdullah  
ISBN: 978-983-9842-87-6

Masyarakat Orang Asli adalah antara penduduk Malaysia yang terkebelakang dalam arus pembangunan. Secara perbandingan taraf hidup mereka jauh lebih rendah berbanding lain-lain etnik. Majoriti anggota masyarakat terlibat dengan sektor ekonomi persendirian yang tertumpu kepada aktiviti ekonomi seperti menjalankan kegiatan memburu, mengumpul hasil hutan, pertanian dan perikanan secara kecil-kecilan. Justeru, sehingga kini kadar kemiskinan dalam kemalangan penduduk Orang Asli masih melebihi paras 30 peratus. Selain itu, status pendidikan juga rendah dan wujud beberapa masalah utama dalam konteks berkenaan, meliputi masalah peratus kehadiran sekolah yang rendah, kadar kecinciran yang tinggi dan pencapaian akademik yang dalam peperiksaan yang rendah. Persoalannya, kenapa isu-isu demikian masih menyelubungi masyarakat Orang Asli? Sebelum ini terdapat suara-suara yang menggambarkan bahawa isu demikian berkait rapat dengan faktor kelemahan program pembangunan yang dilaksanakan dan sosio budaya masyarakat Orang Asli, yang kurang mementingkan pembangunan. Berasaskan isu demikian, buku ini memaparkan suatu realiti berhubung proses pembangunan masyarakat Orang Asli, terutama yang menjurus kepada persoalan bagaimana proses pembangunan mampu menjadi instrumen dalam proses transformasi gaya hidup masyarakat berkenaan. Paparan dibuat berasaskan proses yang berlaku dalam kalangan suku kaum Semaq Beri di Terengganu. Daripada lapan bab yang dikemukakan, empat daripadanya menghuraikan secara langsung tentang pembangunan Orang Asli khususnya suku kaum Semaq Beri. Secara keseluruhannya, buku ini merumuskan bahawa program pembangunan yang dilaksanakan mampu mewujudkan transformasi kepada suku kaum itu jika ia dilaksanakan dengan terancang dan lebih telus sesuai dengan persekitaran sosial penduduknya.



### Pembangunan Modul Pengurusan Stress

Penulis: Mohd Shahril Othman  
ISBN: 978-983-9842-84-5

Masalah tekanan adalah universal dan berlaku tanpa mengira bangsa dan agama. Tekanan mampu menghasilkan satu reaksi negatif yang merbahaya di dalam badan manusia, memberi kesan kepada tahap kesihatan dan mengganggu emosi seseorang, serta boleh menyebabkan penyakit berbahaya seperti tekanan darah tinggi, sakit jantung dan melemahkan sistem pertahanan badan terhadap penyakit. Selain itu, seseorang yang berada dalam keadaan tertekan boleh menimbulkan tekanan kepada orang yang berada di sekitarnya. Seseorang yang menghadapi masalah tekanan memerlukan satu mekanisme untuk bertindak balas terhadap tekanan dan berhadapan kemusnahan yang disebabkan oleh tekanan. Seseorang tidak mampu menghilangkan tekanan yang dihadapi dalam kehidupannya secara total. Namun, dengan mempelajari kaedah pengurusan tekanan secara sistematis ianya mampu membantu seseorang mengawal tekanan yang dihadapi dan membantu mempertahankan diri daripada sumber-sumber tekanan. Seterusnya mampu memotivasi diri ke arah kecemerlangan. Menyelesaikan masalah tekanan yang dihadapi memerlukan penyelesaian mengikut ilmu psikologi dan Islam. Ini kerana kedua-dua pendekatan tersebut mampu menjuruskannya perbincangan kepada kehidupan tabie manusia dari aspek fizikal dan kerohaniannya iaitu emosi, roh, jiwa dan rohani. Selain itu, ia juga mampu membantu seseorang mengetahui dan memahami kenapa sesuatu masalah itu timbul, punca-puncanya dan bagaimana hendak menyediakan intervensi tertentu bagi menanggani permasalahan yang dihadapi. Justeru, buku ini mengetengahkan satu panduan pengurusan tekanan berdasarkan kepada sumber atau sebab berlakunya tekanan melalui gabungan teknik pendekatan psikologi dan Islam dalam bentuk satu modul (MPT) yang praktikal untuk dilaksanakan oleh setiap individu yang menghadapi masalah tekanan. MPT ini dibina secara berstruktur juga dijangka dapat memberikan panduan kepada individu untuk menanggani tekanan yang dihadapi kerana ianya berbentuk profesional, bersistematis dan bukan hanya sekadar panduan dan nasihat daripada penceramah atau pihak berwajib semata-mata. MPT yang dibina ini adalah penting diteliti kerana ianya berorientasi kepada penyelesaian masalah tekanan berdasarkan konsep kesedaran hati yang membantu individu merasionalkan kembali permasalahan tekanan yang dihadapi dan seterusnya mampu menikmati semula kehidupan secara harmoni sehingga mampu melahirkan individu yang berkualiti. Apabila kesedaran hati diperolehi, maka pada masa itu tekanan bukan lagi dianggap sebagai satu masalah tetapi sebagai satu langkah kepada jalan penyelesaian. Pada masa ini, tekanan mampu membawa diri seseorang ke arah yang positif, memberi ransangan motivasi, mencetuskan idea dan mengilhamkan wawasan ke arah kesejahteraan hidup yang lebih berkualiti.



### Etika Kerja dan Pengurusan Harta

Penyunting: Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Syed Mohd Azmi Syed Abdul Rahman, Wan Yusof Wan Chik, Syed Mohd Hafiz Syed Omar  
ISBN: 978-983-9842-89-0

Pekerja yang berwibawa adalah aset penting dalam pembangunan negara. Islam telah menggariskan etika dan menetapkan beberapa tanggungjawab yang perlu dipenuhi oleh bukan sahaja pekerja akan tetapi juga majikan. Ketauhidan, ketekunan dan kecekapan adalah ciri pekerja cemerlang menurut syarak. Etika kerja Islam pula terungkap dalam tujuh teras utama iaitu amal soleh, *birr* (Kebajikan Sejagat), takwa, *qist* (Keseimbangan/Keadilan), *maaruf* (kebaikan), *ihsan* dan *mas'uliyah* (Pertanggungjawaban/Amanah). Majikan pula hendaklah menunaikan janji dan tidak memberikan tugas di luar kemampuan pekerja apatah lagi yang bercanggah dengan syarak. Islam juga menitikberatkan natijah pekerjaan yang antara lain terhasil dalam bentuk harta. Islam meletakkan penjagaan harta sebagai salah satu dari maqasid syariah yang berlima. Secara umumnya perbahasan *maqasid al-Quran* merangkumi akidah, syariah dan akhlak. Penjagaan harta termasuk dalam kategori syariah. Penjagaan harta termasuklah juga pengurusannya yang efektif. Antara petunjuk pengurusan harta yang efektif ialah, keberkesanan mekanisme agihan semula harta tersebut. Mekanisme pengagihan semula kekayaan ini didatangkan dalam bentuk nafkah, zakat, faraid, wasiat, wakaf dan sedekah. Selain dari harta, manusia memerlukan kepada teman hidup. Justeru Islam mensyariatkan pernikahan. Dalam melaksanakan sesuatu pernikahan, maskahwin adalah suatu yang mestii. Kadar maskahwin sentiasa menjadi perbincangan hangat dalam masyarakat. Islam tidak pernah membebangkan umatnya dalam urusan pemberian mas'ahawin. Apabila sebuah keluarga terbinra, antara keperluan yang mendesak adalah rumah kediaman. Dalam proses pembelian rumah, pembeli kadang-kadang berhadapan dengan keadaan di mana rumah yang dibeli mengalami kecacatan. Dalam konteks ini undang-undang Islam menetapkan bahawa kecacatan tidak terhad pada aspek fizikal sahaja tetapi juga mengambil kira aspek spiritual. Dalam menjalani kehidupan samada berumahtangga ataupun sendirian, ada ketika-ketikanya manusia menghadapi kesempitan. Pada waktu sedemikian mereka mungkin terpaksa meminjam dan menggadai. Umat Islam sepatutnya menggunakan sistem *ar-rahnu* apabila menggadai kerana ianya menepati ciri-ciri syariah.